



Al-Huda
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
Bil. 154
April 2023M/1444H

Belia & Keusahawanan



Belia Siaga Masa Depan 17

Jujur dalam Berniaga 19

Sembahyang Sunat Isyraq 48



GERAI KUTANI

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

فُلْ إِنَّمَا أَنْ بَشَرٌ مِثْكُمْ يُوحَىٰ إِلَيْكُمْ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ
فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا
وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١﴾

Mafhumnya:

"Katakanlah sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amalan salih dan janganlah dia memperseketukan Tuhannya dengan sesiapa pun dalam beribadat kepada-Nya."

(Surah al-Kahfi : 110)



KANDUNGAN ALHUDA

Ramadhan 1444/
April 2023

BILANGAN 154

- 1 TINTA PENGARANG:** Belia Berdikari ○ **3 TITAH:** Belia Memacu Pembangunan Negara
○ **6 UCAPAN MENTERI:** Belia Holistik Harapan Negara ○ **11 MAQASHID SYARI'AH:**
Lima Aspek Kehidupan ○ **12 FOKUS:** Keusahawanan: Satu Pendekatan Ke Arah
Kecemerlangan Belia ○ **17 KHUTBAH JUMA'AT:** Belia Siaga Masa Depan ○ **19**
MUTIARA HADI: Jujur Dalam Berniaga ○ **25 TAFSIR HUKUM:** Jauhi Kebathilan ○
32 TETAMU: Keusahawanan Belia ○ **37 SAHABAT NABI:** Abdul Rahman bin 'Auf ○
43 TOKOH ISLAM: Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam Perintis Usahawan
& Perniagaan Islam ○ **48 INFO SEMBAHYANG:** Sembahyang Sunat Isyraq ○
51 PELITA ILMU: Belia Mekanisme Pembangunan Negara ○ **59 NUKILAN PENA:**
Harakah Belia

Redaksi Al-Huda

- PENASIHAT:** Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah
Islamiah ● **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd.
Rahman, Pemangku Penolong Pengarah ● **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah
binti Haji Ibrahim ● **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji
Ahmed ● **PENYELARAS:** Azizah binti Hidup, Hazey Suzainah binti Haji Shaya
● **PEMBANTU PENYELARAS:** Qairunnisa binti Haji Jalil, Mohamad Zelihan bin
Ahad, Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim, Rokiah binti Haji Mohamad
Serudin, Suriati binti Haji Ali Hussin, Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang
Abdul Ghani ● **REKABENTUK & ATURHURUF:** Dahlan bin Chuchu ● **PENYEMAK**
AYAT AL-QUR'AN & HADITS: Ramlee bin Haji Kassim ● **PEMBAHAGI MAJALAH:**
Pengiran Md. Rafiuddin bin Pengiran Haji Badaruddin, Nurul Nabilah binti Masri
● **PENCETAK:** EZY Printing Services & Trading Co. ● **TERBITAN:** Pusat Da'wah
Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kampong Pulaie, Jalan Pusat Dakwah
BB4310, Negara Brunei Darussalam.

Doa Dimurahkan Rezeki

اللَّهُمَّ أكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ،
وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّا سِوَاكَ

"Ya Allah, berilah aku kecukupan dengan rezeki yang halal sehingga aku tidak memerlukan yang haram dan berilah aku kekayaan dengan kurnia-Mu sehingga aku tidak memerlukan bantuan orang lain selain diri-Mu."

(Hadits Riwayat Ahmad)

Belia Berdikari

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Masa depan negara amat bergantung kepada generasi pewaris iaitu golongan belia kerana mereka merupakan aset penting bagi sesebuah negara. Sebagai generasi harapan negara dan bangsa, para belia perlu lebih berani mencabar diri sendiri demi mencari sumber pendapatan lain tanpa hanya berharap atau bergantung kepada peluang pekerjaan daripada mana-mana sektor kerajaan mahupun swasta. Para belia perlu berani mencuba sesuatu yang baharu, sanggup mengambil risiko dan bekerja keras untuk memajukan diri dengan hasil usaha sendiri.

Hakikatnya peluang ini sangat terbuka luas dalam bidang keusahawanan. Pada masa sama galakan kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan juga dilaksanakan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai program, inisiatif dan bantuan supaya belia boleh menjadi seorang usahawan.

Dewasa ini, jumlah pengusaha-pengusaha muda yang berjaya di negara ini semakin meningkat hingga mampu membangun syarikat sendiri malah turut berupaya membantu golongan belia yang lain dengan menawarkan peluang pekerjaan dan sebagainya.



Semoga para belia menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka dengan lebih serius sekali gus meningkatkan perekonomian diri, keluarga serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara selain bekerja dengan menentukan sasaran dan melaksanakan perancangan yang diperlukan untuk mencapai hasil yang lebih baik.

Akhir kata, sahutlah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Permaisuri Negara Brunei Darussalam iaitu:

“Para usahawan mesti bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak.”

Semoga apa yang diusahakan oleh belia membawa hasil dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala juga. Pentingnya berusaha dengan titik peluh sendiri seperti sabda Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa sallam*:

Daripada Abi Ubaid Maula Abdurrahman bin Auf sesungguhnya telah mendengar daripada Abu Hurairah *RadiAllahu ‘anhu* dia berkata: Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda “Mencari kayu bakar seberkas lalu dipikul di atas punggungnya terus dijual itu lebih baik bagi seseorang dari pada mengemis kepada orang lain yang kadang-kadang diberinya atau tidak” 

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا،
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُه

الحمد لله



Titah

Belia Memacu Pembangunan Negara

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-17
PADA HARI SELASA,
11 MUHARRAM 1444 / 9 OGOS 2022
DEWAN PLENARY, PUSAT PERSIDANGAN
ANTARABANGSA, BERAKAS**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْدِينِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ عَلَيْهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ

Beta bersyukur kerana dapat berkumpul bersama-sama bagi menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 pada pagi ini.

Tidak syak lagi para belia adalah komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara selaku 'stakeholder' yang dinamik.

الحمد لله

'Acuan' yang tepat adalah diperlukan untuk menjadikan golongan belia lebih bersedia dalam memacu pembangunan negara.

Hari ini kita melihat transformasi belia sedang berlaku, dengan mereka itu didapati lebih berwawasan dan berani untuk meneroka bidang-bidang baru, di antaranya bidang perekonomian, digital, inovasi sosial, agri-bisnes dan industri-kreatif.

Beta amat gembira apabila golongan belia kita menunjukkan pencapaian prestasi yang membanggakan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.

Misalnya dari sudut pertumbuhan ekonomi, hasil produk usahawan belia telah melangkaui jauh sehingga ke peringkat luar negara, khususnya dalam bidang teknologi komunikasi, pembangunan aplikasi pintar dan perisian (software), agri-bisnes, tekstil dan kreatif.

Sehubungan ini beta mengalu-alukan kiranya lebih ramai lagi para usahawan belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara.

Dari aspek kepimpinan pula, para belia kita turut menyandang pengiktirafan dari luar negara atas usaha dan komitmen yang mereka laksanakan, sama ada di peringkat ASEAN mahupun antarabangsa, seperti dalam bidang kesukarelawan, kemanusiaan dan kesukuanan.

Baru-baru ini, atlet-atlet belia mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dan kejayaan dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada Kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) ke-31 di Vietnam dan The World Games 2022, Birmingham, Amerika Syarikat.

Namun beta suka mengingatkan, bahawa ‘keharuman’ nama Negara Brunei Darussalam memang sudah sedia ada, walaupun tanpa meraih sebarang pingat. Tetapi yang lebih penting bagi kita bukanlah mengejar pingat, bahkan sangat utama ialah ‘Menjaga Nama Baik Negara’ dalam apapun bentuk tindak tanduk atau aktiviti kita.

Kalaupun hendak menempah kejayaan, maka para belia juga adalah tetap dituntut untuk tidak mengabaikan akhlak yang mulia dan tidak meminggirkan ke tepi calak kebruneian kita: “Melayu Islam Beraja.” Beta yakin, inilah wadah atau landasan strategi yang sangat sesuai lagi afdhal untuk dilalui oleh para belia kita. Jangan fikir, dengan wadah ini kita berundur ke belakang, tidak! Tetapi para belia kita masih sahaja tetap berpeluang untuk melakukan pelaburan berskala besar ke persada yang lebih tinggi dan malah mampu untuk mencetuskan perubahan-perubahan dalam usaha-usaha pemuliharan dan perkembangan ekonomi.

Pada kesempatan ini, beta menyeru semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat secara amnya, untuk terus mendukung perlaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi, demi memastikan perlaksanaan dan kejayaan program yang dirancang menepati sasaran.

Untuk akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka, sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

الصري

Ucapan Menteri

Belia Holistik Harapan Negara



Ucapan

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Penutup Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI 2020) Pada Hari Sabtu, 5 Rejab 1441 Bersamaan 29 Februari 2020. Di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَعْلَمِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ،

Alhamdulillah wasysyukru Lillah yang dengan limpah rahmat serta izin-Nya juga Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat menganjurkan Konvensyen Kepimpinan Belia Islam 2020.

Jawatankuasa yang merancangnya mengusulkan nama konvensyen ini sebagai Konvensyen Kepimpinan Belia Kebangsaan.

Saya keberatan mempersetujuinya. Sebab menyebut sesuatu yang bersifat kebangsaan itu amat gah, amat hebat. Di mana kita mestilah melaksanakannya sesuai dengan kehebatan namanya itu.

الحمد لله

Misalnya keramaian pesertanya hendaklah ribuan orang, dan mewakili semua unsur kebeliaan dan segenap sektor kepimpinannya.

Namun saya tidak keberatan jika pada masa yang akan datang awda yang menyertai konvensyen ini akan berada pula dalam konvensyen kepimpinan belia kebangsaan itu.

Lebih tidak keberatan lagi pada masa akan datang itu saya sempat mendapat dan menyaksikan di antara awda peserta konvensyen ini tampil dalam barisan kepimpinan kebangsaan negara ini, tidak setakat kepimpinan belianya.

Konvensyen ini disempenakan dengan sambutan ke-36 tahun Hari Kebangsaan negara kita.

Sebenarnya sudah menjadi semacam program tetap bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak 2015 menyambut dan merayakan hari kebangsaan dengan program khas. Tahun lepas dengan satu forum rancangan strategik kementerian ini. Tahun-tahun sebelumnya kita anjurkan semacam perhimpunan sivik dengan perisianya berupa ceramah sekitar sejarah tanah air dan kenegaraan.

Manakala format sambutan dan perisian program tahun ini agak berlainan dari program sambutan tahun-tahun sebelumnya itu.

Apapun kelainannya program sambutan tahun ini dengan temanya yang berbunyi "Belia Holistik Harapan Negara" namun ianya tetap menepati hasrat menyambut dan merayakan Hari Kebangsaan yang bertemakan "Menjayakan Wawasan Negara." Tema "Menjayakan Wawasan Negara" bukanlah sekadar pernyataan atau statetment tetapi adalah juga berupa seruan, berbentuk ajakan, bahkan boleh difahamkan sebagai gesaan atau desakan kepada rakyat khasnya belia-belia untuk peka dan menyedari bahawa menjelang tahun 2035 kita berazam, kita betekad menjadikan negara kita yang tercinta ini dikenali di seluruh dunia dengan:

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.
2. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Wawasan yang kita sebut "Wawasan 2035" ini adalah komponan pertama daripada tiga komponan dalam Rancangan Jangka Panjang yang digubal oleh kerajaan untuk tempoh tiga puluh tahun bermula tahun 2007. Dua komponan lain ialah Rangka Stratejik dan Dasar bagi Pembangunan (OSPD) dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Tidak syak lagi bahawa Wawasan Negara 2035 itu telah sering disebut-sebut dan

الحربي

boleh dikatakan ianya menjadi impian generasi belia, bahawa mereka akan menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, dengan kehidupan yang juga berkualiti tinggi, dan negaranya Negara Brunei yang dicintainya ini dalam kedudukan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Untuk merealisasikan hasrat serta impian itu kerajaan telah mengaturkan strategi-strategi jangka panjang. Ia dilaksanakan dengan pendekatan the whole nation approach.

Dan dalam konteks inilah misalnya inisiatif-inisiatif program kebeliaan sangat penting digiatkan dengan format-format yang bersesuaian dan menarik.

Saya difahamkan bahawa perisian konvensyen telahpun diatur dengan sangat menarik dan sangat relevan dalam menghadapi isu-isu pada masa kini. Dan ia dijalankan dengan format baharu, moden dan mempunyai ciri-ciri kebeliaan melalui prasarana dan suasana konvensyen, pemasukan bidang pakar, diskusi, sesi perkongsian dan forum.

Oleh itu saya menyambut baik konvensyen yang dianjurkan ini. Saya yakin ia dapat menyumbang ke arah mencapai Wawasan Negara 2035 itu, sekurang-kurangnya dalam erti

kata merangsang kesedaran lalu menambah kukuhkan azam untuk merealisasikannya.

Mengenai dengan Wawasan Brunei 2035 itu saya harap belum terlambat untuk saya menarik perhatian konvensyen ini kepada unsur terpenting ke arah mencapainya dan setelah mencapainya nanti. Hal ini kurang disebut-sebut dari dahulu lagi pada hal ianya harus dilihat menjadi sebahagian daripada wawasan itu.

Apa dia? Termaktub dalam "Dokumen Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam" bahawa perencanaan kemajuan jangka panjang itu digubal setelah mengadakan beberapa konsultasi dengan berbagai lapisan masyarakat yang mana rumusannya seperti berikut:

1. Untuk mengekalkan kestabilan politik yang dinikmati oleh negara.
2. Untuk memelihara nilai-nilai sosial, budaya, rohani dan sejarah kita.
3. Untuk membantu rakyat dan penduduk kita menghadapi cabaran dunia.
4. Untuk memberi keyakinan tentang masa hadapan kepada keluarga dan masyarakat kita.

Kita memahami keempat-empat perkara yang dirumuskan sebagai

الحمد لله

tujuan perencanaan kemajuan jangka panjang itulah yang telah mengilhamkan wawasan negara yang sekarang disebut Wawasan Brunei 2035 itu. Dan kerana itulah juga wawasan Brunei 2035 itu disertai dengan pernyataan bahawa ke arah mencapai wawasan itu, ditegaskan bahawa kita bersatu dalam:

1. Kesetiaan kepada Sultan dan negara.
2. Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam.
3. Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Ertinya dengan jelas dan tegas bahawa rakyat – sebahagian besarnya adalah belia-belia – yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, berkehidupan yang berkualiti tinggi, dalam kedudukan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, itu adalah rakyat yang setia kepada Sultan dan negara, berkeyakinan terhadap nilai-nilai Islam, memelihara keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Dengan itu dalam apa jua usaha memajukan negara dan rakyat untuk menepati Wawasan Brunei 2035 itu, khasnya belia-belia, hendaklah menurut landasan negara Melayu bapemerintahan beraja yang Islami.

Dan masih juga belum terlambat untuk saya menambah pernyataan bahawa terdapat suatu yang kurang disebut-sebut, bahkan hampir dilupakan ialah titah Pemasyhoran Kemerdekaan

1984 yang merupakan azam politik dan aspirasi nasional itu adalah tidak terhenti setakat mengekalkan Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah dan dengan berdasarkan keadilan, amanah dan kebebasan.

Ada dua elemen lagi dalam titah Pemasyhoran Kemerdekaan 1984 itu yang juga adalah menjadi azam politik dan aspirasi nasional, iaitu:

1. Menerusi negara Melayu Islam Beraja yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteramaan dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat.
2. Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Dua elemen ini sangat penting untuk turut disebutkan dalam kita bersemangat menyebut negara kita Brunei Darussalam ini adalah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Kerana corak kenegaraan sedemikian itu adalah negara yang akan sentiasa berusaha

pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat dan juga adalah negara yang memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Sungguhpun azam politik dan aspirasi nasional ini jarang disebut-sebut namun kita tidak menafikan bahawa negara dan kerajaan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah negara dan kerajaan yang berlandaskan titah Pemasyhuran Kemerdekaan ke arah mengukuhkan azam politik dan mencapai aspirasi nasional itu.

Demikianlah celoteh penutupan Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI 2020) yang sengaja menfokus fundamental Wawasan Brunei 2035 sesuai dengan temanya Menjayakan Wawasan Negara.

Dan untuk itu pula difokus juga elemen-elemen yang menjadi azam politik dan aspirasi nasional dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan 1984.

Kedua-duanya dikirakan sesuai dengan Konvensyen yang julung-julung kali dianjurkan dalam format dan programnya menfokus kepada belia-belia dengan harapan dapat mencetuskan idea-idea dan pemikiran yang sangat berkualiti dan holistik demi memenuhi hasrat negara melahirkan belia yang syumul – holistik itu.

Semoga celoteh seorang yang dalam usianya dalam penghujungan siri 7 ini akan masih ada gunanya bagi awda sekalian para belia yang rata-rata dalam usia anak atau cucu saya.



Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

الهدى



5 Aspek Kehidupan

Stilah maqashid boleh didefinisikan sebagai objektif, kehendak, matlamat atau tujuan. Manakala syariah pula bermaksud undang undang ataupun hukum yang diwahyukan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang terdapat dalam al-Qur'an dan as-Sunnah. Secara umumnya, maqashid syariah merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki oleh syara' dalam mensyaratkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan atau kebaikan umat manusia seluruhnya serta menghindari kemudharatan atau keburukan di dunia dan di akhirat dengan menitikberatkan lima aspek dalam kehidupan yang wajib dijaga iaitu:



Keusahawanan: Satu Pendekatan Ke Arah *Kecemerlangan Belia*

Muhammad Saifullah bin Dato Paduka Hj. Mustajab
Brunei Darussalam

Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan hasil aktiviti keusahawanan secara langsung memberikan peluang pekerjaan, mengurangkan kadar pengangguran dan masalah sosial di samping meningkatkan taraf hidup dan keselesaan serta kemakmuran sesebuah negara. Sumbangan yang positif ini juga boleh mengurangkan penggantungan terhadap barang yang diimport khususnya sama ada ketiadaan atau kekurangan sesuatu aktiviti keusahawanan yang mengeluarkan barang tersebut. Menyediakan satu budaya keusahawanan merupakan elemen yang penting di mana rakyat dapat berganding bahu dengan kerajaan secara aktif dalam aktiviti ini dan kerajaan menjadi fasilitator atau pemudah cara. Aktiviti keusahawanan juga penting diserapkan ke dalam aktiviti belia sama ada di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan.

Indahnya Dunia Keusahawanan dan Perniagaan

Dunia keusahawanan dan perniagaan merupakan arena di mana usahawan boleh mendapat kebebasan dalam menentukan karier sendiri khasnya apabila usahawan itu sendiri menjadi tuan punya perniagaan. Sebagai tuan punya perniagaan atau

الحمد لله

syarikat, dan tidak tertakluk kepada seseorang ketua atau bos tentunya belia boleh memaksimumkan potensi dan kemampuan diri tanpa terhad akibat deskripsi kerja jika seseorang itu bekerja makan gaji. Memandangkan bidang keusahawanan ini salah satu bidang yang tiada batasan, peluang untuk mendapatkan imbuhan kewangan juga boleh dimaksimumkan kerana usahawan itu sendiri bakal menentukan jumlah gajinya sendiri dan pendapatan perniagaannya.


Di era global dan pembangunan pesat ini, khasnya dalam pertumbuhan ekonomi yang menggalakan menjadi kelaziman berlakunya kemelesetan ekonomi ataupun risiko-risiko perniagaan yang boleh mengakibatkan kehilangan pekerjaan. Krisis ekonomi pada tahun 1997 di Asia, telah menunjukkan bahawa pemberhentian kerja kepada pekerja-pekerja sebagai satu strategi penyusunan semula organisasi. Ianya merupakan sesuatu yang normal ataupun mungkin menjadi sesuatu yang terpaksa dilakukan. Namun, bagi seorang usahawan, kebimbangan untuk diberhentikan kerja atau ketiadaan majikan tidak menjadi satu isu yang besar. Apa yang perlu dilakukan bagi usahawan tersebut ialah sentiasa membuat persediaan untuk menghadapi risiko-risiko, seperti risiko perniagaan, akibat peralihan polisi pemerintah, kedinamikan industri dan juga ekonomi luar jangka kerana seseorang usahawan itu tidak

bergantung kepada mana-majikan untuk mencari sumber pendapatan. Kemahiran dan kemampuan untuk berdikari amat penting khususnya bagi belia-belia yang belum mendapat pekerjaan atau mungkin diberhentikan kerja. Kepentingan ini pula menjurus kepada kemampuan mencipta dan mewujudkan sendiri peluang-peluang mencari sumber rezeki ketika tidak ada peluang untuk mencari pekerjaan.

Sebab-sebab yang Biasa Didengar Apabila Menceburি Bidang Keusahawanan

Berdasarkan kajian dan pengalaman dapatlah dilihat bahawa wujudnya pelbagai tujuan, sebab dan juga akibat sesuatu perkara, seseorang itu menceburی bidang keusahawanan. Tujuan, sebab dan akibat sesuatu perkara boleh mempengaruhi kejayaan sesuatu usaha dan bergantung pula kepada bagaimana usahawan tersebut terus meningkatkan kemampuan pengurusan, menangani permasalahan, meminimumkan risiko dan seterusnya memastikan kedudukan kewangan tunai yang selesa untuk mendapatkan pulangan keuntungan yang maksimum.

Minat yang mendalam untuk menceburی bidang keusahawanan merupakan sebab utama yang biasa didapati di kalangan para usahawan. Minat ini mungkin timbul melalui warisan perniagaan keluarga, ahli-ahli



اللهي

اللهي

keluarga yang menjadi usahawan, idola-idola tertentu, galakan-galakan pihak tertentu, hobi dan mungkin juga timbul berdasarkan pengalaman sebagai pekerja atau usahawan perantara di dalam sesuatu bidang. Apabila seseorang itu mempunyai minat yang mendalam, minat itu akan memberikan elemen-elemen positif seperti stamina, daya saing, kesabaran, ketahanan fizikal, mental dan juga mempunyai sikap tidak mengalah kepada sesuatu cabaran dan usaha.

Kemahuan ke arah kebebasan juga boleh menjadi penyebab seseorang itu menceburι bidang keusahawanan tetapi kebebasan juga mempunyai hadnya tersendiri kerana ia bergantung kepada definisi kebebasan seseorang individu. Sebagai usahawan, kebebasan diperlukan supaya usahawan tersebut bebas menentukan cara hidupnya, merealisasikan idea-ideanya membuat apa jua perancangan perniagaan, perundingan dan tentunya kebebasan seperti ini merangkumi keperluan sesuatu disiplin.

Selain dari minat dan kebebasan, terdapat juga belia menceburι bidang keusahawanan kerana tidak mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam ataupun swasta. Situasi ini jika dibandingkan dengan memulakan perniagaan kerana minat adalah berlainan dan belia tersebut perlu sedar dan mengenali dirinya sendiri dahulu kerana kebiasaananya kejayaan

sesuatu aktiviti keusahawanan banyak bergantung kepada motivasi seseorang.

Seseorang itu mungkin menceburι bidang keusahawanan kerana bersara, berhenti kerja, diberhentikan kerja, atau mungkin juga dibuang kerja atas sebab-sebab yang tertentu.

Bagi seseorang yang telah bersara, lebih mudah jika perniagaan yang dijalankan itu berkait rapat dengan pengalaman semasa menjadi pekerja sesuatu organisasi ataupun mungkin hobinya sendiri. Untuk menjadi usahawan, penumpuan masa, tenaga dan keluarga adalah penting. Bagaimanapun, penumpuan masa dan tenaga jika dibandingkan dengan seseorang pesara dan seseorang yang umurnya di awal dua puluhan tentunya berbeza. Oleh itu, pesara-pesara tersebut perlu memastikan bahawa perniagaan yang diceburι itu dapat mereka imbangi, di antara keperluan perniagaan dan keperluan kehidupan selepas bersara.

Bagi seseorang yang berhenti, diberhentikan atau mungkin juga dibuang kerja atas sebab-sebab tertentu, aktiviti keusahawanan dapat juga membantu mengimbangi kehilangan pendapatan. Bagaimanapun, seseorang itu perlu bersedia termasuk keluarga yang ditanggungnya untuk menangani cabaran-cabaran seperti cabaran perniagaan, dan juga peralihan cara hidup diri sendiri, dan juga keluarga.



Sumbangan Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran Keusahawanan

Dalam bidang keusahawan, ilmu pengetahuan dan kemahiran itu terbahagi kepada dua kategori iaitu teori dan aplikasi. Dari segi teori merangkumi pengetahuan dan latihan seperti kelayakan akademik, latihan atau vokasional. Ia juga termasuk kursus-kursus pengurusan kewangan, pemasaran, perdagangan antarabangsa, sumber manusia, logistik atau kursus-kursus lain yang bersifat sains, teknologi, dan kemahiran tertentu.

Walau bagaimanapun, pengetahuan teori ini tidak membawa makna jika usahawan tidak dapat menggunakan tanpa kemahiran yang berbentuk aplikasi. Para usahawan perlulah tahu bagaimana, di mana, bila dan apa tujuan menggunakan pengetahuan teori tersebut, perkara ini penting untuk mengetahui interaksi pengetahuan dan kemahiran tertentu bagi merealisasikan objektif sesuatu perancangan. Pengetahuan aplikasi ini juga merangkumi kemampuan berkomunikasi, inovatif, kreatif, ketahanan daya saing, kemampuan menjangka, personaliti yang baik, nilai-nilai murni, beretika dan juga kemahiran untuk membuat sesuatu perancangan, perundingan, keputusan dan juga aplikasi dengan baik.

Berdasarkan kajian ilmiah, usahawan dikaitkan dengan perwatakan seperti:

- Inovatif dan kreatif
- Motivasi yang tinggi
- Pengetahuan ilmiah atau latihan
- Etika
- Personaliti silaturrahim
- Daya saing dan sentiasa positif
- Bertanggungjawab
- Pengawalan diri terhadap sesuatu keputusan dan tabiat
- Kemampuan menyelesaikan masalah
- Kemampuan fizikal dan mental
- Jaringan perniagaan

Menangani Elemen Positif dan Negatif di Dalam Perniagaan

Di dalam dunia keusahawanan, wujudnya tiga elemen penting yang saling berkaitan iaitu usahawan, firma dan persekitaran (Sollymossy, 2002). Walaupun mempunyai firma yang baik dan persekitaran yang sesuai untuk perniagaan, usahawan itu sendiri memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu kejayaan. Memandangkan perubahan demi perubahan dari berbagai aspek dan juga cabaran-cabaran perniagaan merupakan perkara yang normal dalam dunia keusahawanan dan perniagaan, para usahawan perlu membuat persiapan yang rapi sebelum memulakan sesuatu perniagaan khasnya mengenal diri sendiri.



الهجري

Kebanyakan pakar motivasi berpendapat usahawan perlu mempelajari daripada kesilapan sendiri atau kata lain, kesilapan ialah guru yang terbaik. Walau bagaimanapun, pendekatan mempelajari daripada kesilapan diri sendiri mungkin membawa padah apabila usahawan tersebut tidak dapat bangun semula akibat kegagalan besar dan kebangkrapan. Usahawan perlu mengelakkan situasi di mana seolah-olah perniagaan itu dibuka dan dalam masa satu tahun ia boleh ditutup. Selain mengenal pasti perkara-perkara yang membawa kejayaan, usahawan perlu mengenal pasti risiko-risiko perniagaan.

Kesimpulan

Aktiviti-aktiviti keusahawanan amat penting bagi sesebuah negara khasnya apabila ia dapat menyumbangkan berbagai elemen positif seperti pengukuhan dan kemantapan ekonomi, dan juga kemakmuran. Setiap negara memerlukan seramai mungkin usahawan-usahawan cemerlang yang dapat berganding bahu dengan kerajaan ke arah kemakmuran dan kemantapan ekonomi. Komitmen sesebuah kerajaan itu perlulah juga difahami dan dipandang serius serta disahut, supaya aktiviti keusahawanan itu menjadi satu landasan ke arah kecemerlangan. Kejayaan seharusnya juga dilihat dari sudut yang luas sama ada kejayaan dalam perniagaan, pembentukan diri serta keluarga yang sempurna dan mempunyai wawasan kecemerlangan. Oleh itu, konsep keusahawanan perlu dilihat dari pelbagai sudut dan akhir kata, hanya yang tahu sahaja tahu.



Belia Siaga Masa Depan

Marilah kita bertaqwa ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dengan sebenarnya benar taqwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran al-Qur'an dan mengikuti Sunnah Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Dalam hasrat dan cita-cita negara untuk membangun umat, membangun bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan bergantung juga kepada sumber tenaga manusia yang berwibawa antaranya adalah golongan belia.

Oleh itu, golongan belia yang bakal menjadi tonggak negara di masa akan datang perlulah diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi golongan yang beriman, berilmu, beramal, dan mempunyai akhlak yang mulia berpandukan ajaran agama Islam. Justeru, bimbingan yang baik dan sempurna ini akan mengukuhkan jati diri ke arah menjadikan mereka belia

الهـرى

الهـرى

yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya belia yang dididik dan dibimbing dengan nilai-nilai agama tidak akan mudah melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah at-Tahrim ayat 6 mahfumnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa juu yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan."

Semua pihak sama ada ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara adalah berperanan untuk membimbing dan memimpin golongan belia agar mereka menjadi golongan yang taat beragama, taat kepada para ibu bapa mereka, berakhhlak mulia, dan hormat-menghormati sesama manusia.

Alhamdulillah, pada tahun ini genaplah lima belas tahun negara kita menyambut Hari Belia Kebangsaan dengan tema "Belia Siaga Masa Depan". Masa depan ini ia merupakan suatu jangkaan dan suatu cabaran yang didepani negara pada masa akan datang yang memerlukan kesiagaan yang mapan bagi

memantapkan proses pembangunan dan kemajuan negara. Lebih-lebih lagi bagi merilasisasikan aspirasi negara, iaitu wawasan negara 2035.

Oleh yang demikian, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara agar berterusan dan sentiasa membangun dari masa ke semasa, kita amat memerlukan golongan belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, elok pada sudut syakhsiah dan kerohanianya, tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif dalam kehidupannya sejajar dengan kepesatan kemajuan dunia sekarang dalam pelbagai bidang, bagi meneruskan usaha agenda pembangunan umat, negara dan Wawasan Brunei 2035. Marilah kita sama-sama berdoa semoga belia-belia kita akan sentiasa berada di atas landasan jalan yang benar dan diredhai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juu. *Aamin ya Rabbal alamin.*

Surah Aali 'Imraan ayat 110 yang mahfumnya:

"Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakannya mereka ialah orang fasiq."



الحمد لله





Jujur Dalam Berniaga

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari, kita dituntut untuk sentiasa bersikap jujur. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam amat menggalakkan umat baginda untuk berlaku jujur dalam apa jua situasi. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah Radhiallahu 'anhu telah bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam:

إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبَرِّ وَإِنَّ الْبَرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّىٰ يَكُونَ صَدِيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا.

Maksudnya:

Sesungguhnya kejujuran akan membimbing kepada kebaikan, dan kebaikan itu akan membimbing ke syurga. Sesungguhnya jika seseorang yang sentiasa berlaku jujur hingga ia akan dicatat sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya kedustaan itu akan mengantarkan pada kejahatan, dan sesungguhnya kejahatan itu akan mengiringi ke neraka. Dan sesungguhnya jika seseorang yang selalu berdusta sehingga akan dicatat baginya sebagai seorang pendusta.



الحدیث

Hadits tersebut menjelaskan bahawa kejujuran itu pembuka pintu-pintu kebaikan bagi umat Islam yang akan membawa ke syurga. Sedang orang-orang yang sentiasa berlaku jujur dalam perkataan dan perbuatannya, mereka akan dicintai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan seluruh manusia.

Jujur merupakan sikap yang lurus, betul, menyatakan apa yang benar dan tidak berbohong atau berkata perkara yang lain daripada apa yang terjadi (fakta). Jujur juga bermakna ketepatan antara niat dengan ucapan dan perbuatan seseorang. Sifat jujur sangat penting dan perlu dimiliki oleh setiap individu baik dalam lisan maupun perbuatan. Sifat ini juga adalah dasar bagi sebuah kepercayaan antara individu dengan yang lain. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Ahzaab ayat 70:

يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ أَتَقُوْاْ اللَّهَ وَقُولُواْ قُوْلًا
سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar.

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang sangat mulia. Ia merupakan ibadah dan juga sunnah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* kerana sejak zaman baginda dan zaman sebelum baginda, bernes-

merupakan salah satu daripada aktiviti untuk menjana ekonomi. Pentingnya bernesaga itu bagi sesebuah masyarakat kerana menjadi mundur jika perniagaan ekonomi di tempat itu tidak berkembang.

Dalam bernesaga, bersikap jujur juga merupakan asas utama yang perlu ditanamkan dan diperkuuhkan dalam diri setiap mereka yang bergelar peniaga. Penglibatan seseorang dalam perniagaan sangat penting dan dianjurkan dalam agama Islam demi pembangunan masyarakat Islam itu sendiri.

Setiap ahli perniagaan pasti ingin berjaya dengan cemerlang dan mengaut keuntungan semaksimum mungkin walaupun bukan mudah menjadi peniaga yang berjaya kerana risiko dan masalah yang berkemungkinan akan dihadapi. Peniaga sama ada peniaga kecil maupun besar perlu memiliki dua sifat yang terpenting dan ditekankan dalam Islam iaitu jujur dan amanah. Sesungguhnya sifat jujur dan amanah dalam apa juga pekerjaan terutama sekali dalam perniagaan adalah menjadi keutamaan kerana sifat-sifat tersebut dapat memelihara diri daripada melakukan perbuatan yang munkar dan dosa.

Peniaga yang melaksanakan urusan perniagaannya dengan cara yang baik dan jujur akan mendapat ganjaran yang amat besar daripada Allah *Subhanahu*



wa Ta'ala dan mempunyai kedudukan dan darjat yang tinggi di sisi-Nya. Imam at-Tirmidzi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Sa'id, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

النَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّنَ،
وَالصَّدِيقَيْنَ، وَالشَّهَدَاءِ.

Maksudnya:

Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, orang yang jujur dan orang yang syahid.

Selain itu, terdapat sebuah lagi hadits berkenaan dengan sikap jujur untuk dijadikan renungan bagi setiap yang ingin berniaga. Imam al-Tirmidzi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Rifa'ah bin Rafi' *Radhiallahu 'anhu* bahawa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah bersabda:

إِنَّ التُّجَارَ يُبَعْثُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فُجَارًا،
إِلَّا مَنْ اتَّقَى اللَّهَ، وَبَرَّ، وَصَدَقَ.

Maksudnya:

Sesungguhnya para peniaga ini akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan yang berdosa melainkan orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat kebaikan dan jujur.

Rezeki perniagaan itu tanpa disedari boleh tercemar dan menjadi haram jika terselit sikap tidak jujur misalnya

menjual barang yang rosak atau menyembunyikan dan mencampurkan barang yang telah rosak bersama barang yang baik. Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Uqbah bin 'Amir *Radhiallahu 'anhu*, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ وَلَا يَحْلُّ لِمُسْلِمٍ
بَاعَ مِنْ أَحَدٍ بَيْعًا فِيهِ عَيْنٌ إِلَّا بَيْنَهُ
لَهُ.

Maksudnya:

Muslim merupakan saudara bagi setiap muslim yang lain, tidak dibenarkan seorang muslim menjual kepada saudaranya suatu barang yang terdapat aib kecuali dia menjelaskan aibnya.

Selain itu, tarikh barang yang telah luput atau mansuh, barang *display* yang dijual berbeza dengan barang yang diserahkan kepada pembeli, penjual menerima duit bayaran tetapi barang yang dibeli tidak sampai (tidak diserahkan) kepada pembeli, harga yang dipaparkan pada barang adalah berbeza semasa pelanggan membuat pembayaran di kaunter dan sebagainya juga antara sikap tidak jujur peniaga yang tidak sepatutnya dilakukan kepada pelanggan.

Kesan dari ketidakjujuran si peniaga akan membawa kepada rezeki yang tidak halal. Peniaga yang mendapatkan rezeki

الهـرى

رَحْمُ اللَّهِ عَبْدًا سَمِحًا إِذَا بَاعَ بِسَمِحًا
إِذَا إِشْتَرَى سَمِحًا إِذَا إِقْتَضَى.

Maksudnya:

Allah memberikan rahmat-Nya pada setiap orang yang bersikap baik ketika menjual, membeli, menunaikan hutang, dan membuat suatu pernyataan.

Semoga kita sentiasa bersikap jujur dalam kehidupan kita sehari-hari dan semoga kita sentiasa disekelilingi oleh orang-orang yang juga bersikap jujur. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah at-Taubah ayat 119:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقُولُوا أَنَّهُ وَكُونُوا مَعَ
الصَّابِرِينَ ﴿١١٩﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.



Keutamaan berbuat baik dalam bermiaga juga diterangkan di dalam banyak hadits baginda, antaranya Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah, Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

daripada sumber yang tidak halal akan menyebabkan rezeki yang diperolehnya itu tiada keberkatan di dalamnya selain menyebabkan hilang kepercayaan pelanggan kepada si peniaga malah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam sendiri mengutuk perbuatan tidak jujur penjual seperti sabda baginda yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab Shahihnya daripada Khaula al-Ansariah Radhiallahu 'anha yang bermaksud: "Akum mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang maksudnya, bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari kiamat kelak."

الهدى

5 ZIKIR PEMBUKA PINTU REZEKI

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Tiada daya dan tiada kekuatan kecuali
dengan pertolongan Allah

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ

Tiada tuhan selain Allah Raja yang
benar dan nyata

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Maha Suci Allah dengan segala puji bagi-Nya
Maha Suci Allah yang Maha Agung

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Semoga Allah memberikan rahmat kepada Muhammad,
semoga Allah memberikan selawat dan salam kepadanya

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

Aku mohon keampunan kepada Allah
yang Maha Agung

DOA NABI MUSA

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

Mafhumnya:

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan"

(Surah al-Qashash, ayat 24)

Jauhi Kebathilan

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْلَاتَكُلُّ أُمُوْلَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا آنَّ تَكُونُ
تَجْرِيَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ فَلَا نَفْتَنُ أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٥٩﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang bathil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara rela antara kamu.

(Surah an-Nisaa' ayat 29)

Sebab turun ayat

Ibnu Katsir dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini adalah larangan Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas hamba-hamba-Nya yang mu'min daripada memakan harta sesamanya dengan cara bathil dan mencari keuntungan secara tidak sah atau tipu daya serta melanggar syariat seperti riba dan perjudian. Allah mengecualikan dari larangan ini pencarian harta dengan jalan perniagaan yang dilakukan atas dasar suka di antara penjual dan pembeli.

الهدى

Bathil

Pada dasarnya, perkataan bathil merupakan lawan bagi hakikat atau kebenaran. Bathil berasal dari bahasa Arab iaitu *bathala* (بطل) yang berarti rosak, salah, palsu, tidak sah, tidak memenuhi syarat rukun, keluar dari kebenaran, terlarang atau haram menurut agama Islam.

Allah Subhanahu wa Ta'ala melarang orang-orang yang beriman daripada memakan harta sesama mereka secara bathil sama ada harta itu kepunyaan orang lain seperti mencurinya, merampas, menyamun atau menguasainya dengan jalan tipu helah ataupun harta itu kepunyaan sendiri tetapi dibelanjakan secara boros dan membazir apalagi jika dibelanjakannya ke jalan maksiat (seperti mengembangkannya dengan jalan riba dan judi, bertaruh dan loteri atau mengupah orang jahat supaya menjadi saksi palsu, membeli dadah dan sebagainya).

Tidak halal bagi seorang muslim untuk mengambil harta orang lain secara tidak sah. Allah dengan tegas telah melarang hal ini dalam al-Qur'an. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُ أَمْوَالَكُمْ بَيْنَ كُمْ بِالْبَطْلِ
وَنَذِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامَ لِتَأْكُلُوا فِي قَاءِ مَنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Khaulah al-Anshariyah Radhiallahu 'anha bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya ada sebagian orang yang mengambil harta milik Allah bukan dengan cara yang haq, sehingga mereka akan mendapatkan neraka pada hari Kiamat."

Perniagaan

Islam tidak melarang memakan harta yang diperolehi dari perniagaan atau berjual beli dengan syarat kedua belah pihak (si penjual dan si pembeli) masing-masing diberi kesempatan atau peluang memilih (khiar) sama ada mahu meneruskan atau membatalkan jual beli tersebut pada masa jual beli dilakukan.

Islam juga meletakkan dasar umum bahawa semua bentuk dan jenis perniagaan itu adalah halal selagi tidak bertentangan dengan aqidah, syara' dan akhlak dan membenarkan mereka mencari harta kekayaan melalui perniagaan yang dilakukan secara

sukarela merangkumi semua aktiviti perniagaan seperti jual-beli, sewa-menyejahtera, pelaburan, mengambil upah, wakil-mewakil dan sebagainya.

Perniagaan itu mempunyai banyak faedah dan memerlukan kebolehan dan kepandaian untuk menarik si pembeli demi memperolehi keuntungan dengan dilakukan secara jujur, dan saling mempercayai.

Kerelaan (redha) merupakan syarat yang penting dalam aktiviti perniagaan dan diahirkan melalui akad yang dilakukan sama ada secara lisan, tulisan ataupun perbuatan.

Perniagaan dan bathil

Secara umumnya, harta yang diperolehi melalui aktiviti perniagaan atas kerelaan adalah halal, tetapi jika terdapat unsur-unsur yang diharamkan harta yang diperolehi menjadi bathil, seperti:

Riba

Islam menutup pintu bagi siapa yang berusaha untuk mengembangkan harta melalui jalan riba. Islam mengharamkan sistem riba dalam semua urusan jual beli dan aktiviti perekonomian demi menjaga kemaslahatan manusia dari segi akhlaknya, kemasyarakatan dan ekonomi. Dalam surah al-Baqarah, ayat 275 Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا
كَمَا يَقُولُ الَّذِي يَنْجَبَطُهُ الشَّيْطَانُ
مِنَ الْمُسِّئِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ
الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحرَمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ
مَوْعِدَةً فَمِنْ رَبِّهِ فَإِنَّهُ فَلَهُ وَمَا سَلَفَ
وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ
النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Mafhumnya:

Orang-orang yang memakan riba tidak akan dapat bangkit (dari kubur pada hari kiamat) melainkan seperti berdirinya orang-orang yang dirasuk syaitan (dengan keadaan terhuyung-hayang) kerana rasukan (syaitan) itu. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka mengatakan: "Adapun berjual beli itu sama seperti riba." (Padahal) Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Jika sesiapa yang telah sampai kepadanya pengajaran (peringatan tentang haramnya memakan riba) daripada Tuhan mereka lalu dia berhenti maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi haknya dan mengenai urusannya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang kembali (memakan riba selepas mengetahui hukumnya) maka mereka itu ialah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

Penipuan

Dalam menjalankan perniagaan, perbuatan mengurangkan sukatan dan timbangan, adalah dikira sebagai bathil kerana melakukan penipuan dengan mengurangi haq manusia dan dilarang oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah Huud ayat 85:

وَيَقُولُ أَوْفُوا الْمِكَالَ وَلَا مِيزَانَ
بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ
وَلَا تَعْثُوْفُ أَلْأَرْضَ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾

Mafhumnya:

Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang (dan perkara-perkara yang menjadi hak) mereka dan janganlah kamu berbuat onar di muka bumi dengan bencana kerosakan.

Sesungguhnya orang yang jujur dalam bermiaga dengan menyukat atau menimbang barangnya dengan sempurna akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu wa Ta'ala antaranya ialah akan mendapat berkat dalam kehidupannya dan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Israa' ayat 35:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كُلِّمُوكُلِّمُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ
ذَلِكَ خَيْرٌ وَّحَسَنٌ تَوْلِيَلًا ﴿٢٥﴾

Mafhumnya:

Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang betul. Yang demikian itu baik (di dunia) dan lebih baik pula kesudahannya (di akhirat).

Manakala orang yang tidak bersifat jujur dalam bermiaga pula akan mendapat dosa, terkeluar daripada golongan umat Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wa sallam, tiada memperolehi keberkatan hasil dari perniagaan yang dijalankannya dan dijanjikan pula dengan mendapat kecelakaan di akhirat kelak baik berupa azab yang amat pedih. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Muthaffifiin ayat 1-3:

وَيَنْهَا لِلْمُطَّغِفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَلُوا عَوْنَى النَّاسَ
يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَلَذَا كَلُّهُمْ أَوْرَثُوهُمْ يَنْخِسُونَ



Mafhumnya:

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan. Iaitu mereka yang apabila merima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam suatu ketika, melintasi satu bekas makanan

الهدى

(untuk dijual), lalu baginda memasukkan tangan baginda ke dalamnya. Tangan baginda menjadi basah. Baginda pun bersabda “Apakah ini wahai pemilik makanan (peniaga)? Dia menjawab: “Terkena hujan, wahai Rasulullah!” Baginda bersabda: “Mengapa engkau tidak jadikan bahagian yang basah itu di atas makanan supaya orang boleh nampak? Sesiapa yang menipu, dia bukan dari pengikutku.”

Selain itu, perbuatan memonopoli (ihtikar) barang keperluan awam juga adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam dan termasuk dalam perbuatan yang bathil. Monopoli barang keperluan seperti gula, beras, minyak dan lain-lain biasanya dibuat para peniaga dengan menyorokkan barang keperluan supaya ianya berkurangan di pasaran dan hasilnya harga barang tersebut dapat dinaikkan dan boleh dijual dengan lebih mahal. Dengan itu peniaga akan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Perbuatan terkutuk ini adalah dilarang dalam Islam kerana ia menyebabkan kemudharatan dan kesulitan kepada masyarakat awam khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam satu hadits lain, Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ma'mur, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “*Barang siapa memonopoli barang (ihtikar) maka ia telah melakukan kesalahan. Yakni ia telah tersasar jauh daripada perkara yang sebenar dan keadilan.*”

Antara bentuk monopoli yang diharamkan juga boleh berlaku dengan cara para perniaga bersepakat antara satu sama lain bagi menjual barang dengan harga yang lebih tinggi dari harga pasaran. Imam Ahmad dalam kitab musnadnya dan Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Umar al-Khatthhab *Radhiallahu anha* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud “*Barang siapa yang menyembunyikan makanan ke atas kaum muslimin maka Allah akan menimpakan kepadanya penyakit kusta atau muflis.*”

Para fuqaha telah bersepakat bahawa sekiranya seseorang mempunyai makanan yang tidak ada pada orang lain sedangkan orang lain sangat memerlukannya, maka dalam situasi seumpama ini diharuskan bagi pemerintah untuk memaksa pemilik makanan tersebut supaya menjual makanan yang berada dalam simpanannya. Tujuannya adalah bagi menolak kemudharatan terhadap masyarakat.

Pada situasi sekarang yang mana tersebarnya penyakit COVID-19, bukan sahaja makanan yang menjadi keperluan bahkan penutup mulut (mask) dan pencuci tangan (hand sanitizer) juga sangat diperlukan. Jika orang ramai memerlukan perkara asasi tersebut atau keadaan menjadi darurat, orang yang memonopoli tadi perlulah menjual barang tersebut dengan harga yang munasabah.

Judi

Judi merupakan permainan, hiburan, pertandingan, pertaruhan yang menggunakan harta antara dua pihak untuk mendapat gantian atau harta berdasarkan kepada risiko untung (rugi) nasib sebagai contoh judi pelaburan (insuran konvensional, urus niaga saham, skim cepat kaya, skim piramid dan skim ponzi) dan judi atas talian (*Poker, Black Jack Baccarat, Roulette, Slot, Keno, Bingo, Sports Books – Cyber Betting*).

Perbuatan judi itu termasuk dalam perbuatan keji seperti firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah ayat 90:

يَعَوْمَدُ الَّذِينَ عَمِلُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ
وَالْأَرْلَمُ رِحْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ
لَا كُنْ قُلْحُونَ ﴿٩٠﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya

kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan).

Kesimpulan

Takutilah akan harta yang bathil kerana ia juga akan menjadi makanan yang haram yang akan masuk dan mengalir ke dalam perut kita dan ahli keluarga yang akan tumbuh menjadi darah daging. Ia memberi kesan negatif pada kehidupan jiwa dan akhlak seseorang kerana tiada lagi keberkatan daripadanya. Imam ath-Thabarani dalam kitab mu'jamnya meriwayatkan daripada Sa'ad bin Abi Waqash, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “Dan demi diri Muhammad di tangan-Nya, sesungguhnya seorang hamba yang memasukkan sesuap makanan yang haram ke perutnya, tiada diterima Allah daripada amalannya empat puluh hari. Dan mana-mana hamba yang tumbuh dagingnya dari yang haram dan riba, maka api neraka lebih layak baginya.”

Bersihkanlah harta kita dengan banyak memberi sedekah dan menunaikan zakat kerana harta yang dikeluarkan pada jalan yang betul itulah harta kita yang sebenar malah pelaburan hakiki hingga akhirat kelak.



الهدى



Doa Agar Diberi Rezeki Halal

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ أَنْ تَرْزُقَنِي رِزْقًا حَلَالًا
وَاسِعًا طَيِّبًا مِنْ غَيْرِ تَعْبٍ وَلَا مَشْقَةٍ وَلَا ضَيْرٍ
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu agar melimpahkan rezeki kepadaku berupa rezeki yang halal, luas dan tanpa susah payah, tanpa memberatkan, tanpa membahayakan dan tanpa rasa lelah dalam memperolehnya. Sesunggunya Engkau berkuasa atas segala sesuatu.

Tetamu

Keusahawanan Belia



Raimi Hidayah binti Haji Murah
Pegawai Ugama (I-Ready)
Unit Kajian Ilmiah
Pusat Da'wah Islamiah

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, belia ialah muda (sangat muda – muda remaja), pemuda, golongan muda secara keseluruhannya baik lelaki maupun wanita atau pemuda pemudi. Perkataan belia dalam bahasa Arab disebut asy-Syabb (شَبَابٌ) yang jama’nya disebut Syubban (شَيْبَانٌ) iaitu seseorang yang telah sampai umur dan disebut asy-Syabab (شَيْبَابٌ) yang memberi maksud seseorang yang sampai umur lebih kurang tiga puluh tahun. Dalam bahasa Inggeris pula disebut *Youth* yang bermaksud antara kehidupan seseorang anak muda yang cukup umur dan dewasa.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, takrif belia adalah lelaki dan perempuan yang berumur 15 hingga 40 tahun, manakala pemimpin belia adalah tidak dihadkan umur. Terdapat 152,700 orang dalam kumpulan yang berumur 15 hingga 40 tahun

الهـرى

iaitu 45.12% daripada jumlah penduduk. Takrif umur belia di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan garis pandu UNESCO dan juga dalam konteks dan budaya Negara Brunei Darussalam.

Usahawan

Keusahawanan adalah kata terbitan daripada perkataan usahawan. Istilah ini lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan. Menurut perspektif peniaga, usahawan merupakan rakan niaga, pembekal atau pelanggan kepada peniaga lain dan mencari cara baru untuk menggunakan sumber secara lebih baik serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Berdasarkan definisi-definisi tersebut bolehlah disimpulkan bahawa keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuashatian dan kebebasan.

Usahawan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Perkembangan dan pertambahan usahawan menunjukkan perkembangan ekonomi yang positif bagi sebuah negara. Inovasi yang berhasil melalui keusahawanan akan

memperkembangkan penawaran dan kepelbagaiannya dalam ekonomi Islam sebagai ad-Din yang mencakupi segala bidang telah menyedari kepentingan usahawan ini sejak sekian lama dan memberikan galakan kepada umatnya agar menceburi bidang ini. Walaupun Islam mengiktiraf bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik. Ini dibuktikan dengan sabda Rasulullah yang bermaksud:

“Daripada Rafi' bin Hadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab “kerja seseorang dengan tanganya sendiri dan perniagaan yang diberkati.”

Daripada maksud hadits tersebut, jelaslah bahawa Islam amat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana bidang ini bukan sahaja menjana pendapatan peribadi dan menghalang seseorang daripada meminta-minta, malah dapat memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

Keusahawanan Belia

Kepentingan bidang keusahawanan telah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam

semasa berkenan bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-11 Majlis Mesyuarat Negara 2015.

“Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan. Ia mustahak, seimbang dalam makna, ia tidak boleh diceburi hanya oleh segelintir pihak tertentu sahaja tetapi biarlah ramai, kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.

Dalam padaitu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga turut berkenan mengalukan kehadiran para usahawan dari kalangan belia, yang telah menyahut seruan kerajaan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara. Selain itu, baginda Sultan juga turut bertitah pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-13 pada 1 Ogos 2018 bahawa para belia memerlukan lebih usaha dan kreativiti untuk memperkasa diri masing-masing dalam menjana rezeki kerana rezeki tidak akan datang bergolek dengan sendirinya.

Melalui titah-titah tersebut, semua belia di negara ini tanpa terkecuali diseru untuk berkecimpung ke dalam bidang keusahawanan sebagai satu usaha menjana ekonomi bukan saja untuk diri mereka sendiri tetapi juga untuk pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya belia yang berani, berhati cekal dan gigih berusaha, hasrat negara

untuk memajukan bidang usahawan ini dapat dicapai dengan jayanya dan akan lebih ramai lagi belia yang turut sama menyertai bidang ini dari semasa ke semasa. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan khasnya telah dan sedang giat membantu belia di negara ini dengan menyediakan pelbagai program dan inisiatif-inisiatif lain demi membantu dan memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan belia tentang bidang keusahawanan yang antaranya adalah i-Usahawan.

i-USAHAWAN

Dalam usaha untuk mengeluarkan penerima bantuan daripada kepompong kemiskinan, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah pun meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan termasuk mengadakan program-program baru yang bertujuan untuk membantu mereka menanamkan sifat berdikari, bertanggungjawab dan turut sama menyumbang kepada pembangunan negara. Antara program-program yang diungkayahkan adalah seperti berikut:

- Program Berniaga dari Rumah (BDR)
- Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB)
- Program Perkasa Komuniti (PPK)

Program Berniaga dari Rumah (BDR)

Program ini memberikan peluang kepada individu yang menerima

bahtuan kebajikan yang tidak berkeupayaan untuk bekerja seperti masalah menjaga anak atau tidak memiliki kenderaan tetapi mempunyai keinginan untuk memulakan perniagaan atau mempunyai kemahiran yang dapat digunakan untuk membuat perusahaan secara kecil-kecilan. Pihak JAPEM akan membantu peserta yang di bawah program seperti:

- Memasarkan produk-produk mereka.
- Memberikan latihan kemahiran.
- Membantu mendapatkan modal perniagaan.

Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB)

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kemahiran dan memperkasa belia bagi mengeluarkan belia dari kepompong kemiskinan serta memperlengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran asas alaf ke-21 dan mempersiapkan mereka bagi memasuki alam pekerjaan. Program ini mensasarkan anak-anak penerima bantuan yang berumur di antara 16 hingga 21 tahun yang tidak mempunyai pekerjaan dan tidak lagi bersekolah.

Program Perkasa Komuniti (PPK)

Program ini menawarkan latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemahiran perniagaan dan pembangunan diri kepada orang-orang susah yang menerima bantuan

kebajikan bulanan JAPEM. Program akan dijalankan selama 3 bulan sahaja bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB). Peserta akan diberikan elau sebanyak \$150 sebulan tergantung kepada kehadiran peserta setiap bulan.

Melalui program-program yang disediakan dalam I-Usahawan, belia dibantu secara menyeluruh meliputi latihan kemahiran, bantuan modal perniagaan dan pemasaran produk yang mereka hasilkan. Ini menunjukkan pemelulian dan sikap prihatin kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membantu dan menyokong usahawan belia. Pihak swasta juga turut bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam hal ini.

Kesimpulan

Diharapkan lebih ramai lagi golongan belia yang berkecenderungan dan berkecimpung dalam bidang keusahawanan ini. Pelbagai pihak telah menjalankan fungsi dan peranan dalam membantu mereka. Terpulang kepada belia bagaimana mereka menyusun dan mencorak strategi dalam bidang ini agar dapat membawa hasil seperti yang mereka harapkan.

Semoga belia-belia dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini berada di atas landasan yang benar dan diredhai serta mendapat rahmat, hidayah dan inayah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga.

Firman Allah dalam surah Aali 'Imraan ayat 110:

كُنْتُمْ حَيْرَ أُمَّةً لَخَرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِإِلَهِكُلِّ أَهْلِ الْكِتَابِ لَكُمْ خَيْرٌ لَهُمْ
فَنَهَايُونَ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكُلُّ شَهْرُهُمُ الْفَضْلُونَ ﴿١١٠﴾

Mafhumnya:

Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).



الهدى

Abdul Rahman bin 'Auf

U sahawan & Dermawan Islam

Siapakah 'Abdur Rahman Bin 'Auf?

'Abdur Rahman bin 'Auf dilahirkan di kota Mekah iaitu pada tahun kesepuluh selepas tahun Gajah. Nama beliau pada zaman jahiliah ialah 'Abdu Amru dan ada pula yang mengatakan 'Abdul Ka'bah. Setelah beliau masuk Islam, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menggantikannya dengan nama 'Abdur Rahman.

Beliau termasuk di antara 10 sahabat yang dijamin masuk syurga oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Diriwayatkan daripada Imam Ahmad bahawa Sa'id bin Zaid berkata sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

أَبُو بَكْرٍ فِي الْجَنَّةِ، وَعُمَرُ فِي الْجَنَّةِ، وَعَلَيٌّ فِي الْجَنَّةِ، وَعُثْمَانُ فِي الْجَنَّةِ،
عَبْدُ الرَّحْمَنِ فِي الْجَنَّةِ، وَطَلْحَةُ فِي الْجَنَّةِ، وَالرَّبِيعُ فِي الْجَنَّةِ.

Maksudnya:

Abu Bakar di syurga, dan 'Umar di syurga, dan 'Ali di syurga, dan 'Utsman di syurga, dan 'Abdur Rahman di syurga, dan Thalhah di syurga, dan az-Zubair di syurga.

Beliau mempunyai wajah yang kacak menawan, hidungnya mancung, tubuh badannya tinggi, kulitnya berwarna putih kemerah-merahan, badannya berbulu agak tebal, keningnya panjang, bulu matanya lebat, gigi taringnya di bahagian atas agak panjang, mempunyai leher yang panjang. kedua bahunya agak lebar, rambutnya panjang hingga menutupi kedua telinganya dan memiliki tapak tangan yang agak tebal.

Kehebatan beliau dalam ilmu perdagangan membuatkan beliau menjadi seorang sahabat yang mempunyai harta yang melimpah.

Pengislamannya

'Abdur Rahman bin 'Auf memeluk agama Islam di Darul Arqam (di rumah Arqam bin Abi al-Arqam) sebelum Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pada hari kedua setelah Saiyidina Abu Bakar as-Shiddiq memeluk agama Islam. Beliau dicatat sebagai orang kelima yang diislamkan oleh Abu Bakar as-Shiddiq *Radhiallahu 'anhu* selain daripada 'Utsman bin 'Affan, az-Zubair bin al-'Awwam, Sa'ad bin Abu Waqqash dan Thalhah bin 'Ubaidullah. Beliau berusia 30 tahun ketika memeluk agama Islam. Dikatakan bahawa ketika Abu Bakar as-Shiddiq menawarkan agama Islam kepadanya, beliau segera menerimanya tanpa berlengah-lengah.

Beliau tergolong dan dianggap sebagai 'as-Sabiqun al-Awwalun' iaitu orang

yang mendapat kedudukan yang istimewa kerana memeluk agama Islam sebelum Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menempatkan rumah Arqam bin Abu al-Arqam sebagai pusat dakwah. Disebabkan inilah beliau termasuk di antara salah seorang dari sepuluh orang penghuni syurga seperti yang dijanjikan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Setelah memeluk agama Islam, 'Abdur Rahman bin 'Auf sangat rajin berulang alik ke rumah Arqam bin Abu al-Arqam yang terletak di kaki bukit Safa' di deretan Jabal Abu Qubais semata-mata untuk mendapatkan pengajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di sana.

Penghijrahannya

- Berhijrah ke Negeri Habsyah

Menjelang tahun kelima kenabian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* iaitu ketika seruan Islam semakin berkembang luas, kaum musyrikin Quraisy berusaha menentang kaum muslimin dan bersungguh-sungguh menghapuskan ajaran Islam. Orang-orang Islam yang berada di Kota Mekah ketika itu diseksa, diugut dan diancam nyawa mereka agar kembali semula kepada agama asal mereka iaitu menyembah berhala.

Setelah gangguan, seksaan dan penderitaan terhadap kaum muslimin semakin berleluasa, maka Rasulullah



Shallallahu 'alaihi wa sallam mengarahkan orang-orang Islam berhijrah ke negeri Habsyah kerana di sana terdapat seorang raja yang cintakan kedamaian dan kebaikan.

Di dalam buku-buku sejarah Islam, 'Abdur Rahman bin 'Auf berhijrah ke negeri Habsyah sebanyak dua kali iaitu:

Hijrah beliau kali pertama adalah pada tahun kelima kenabian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Beliau berhijrah bersama sahabat-sahabatnya yang beriman seramai lima belas orang yang diketuai oleh Utsman bin Madz'un.

Beliau menetap di sana hanya beberapa bulan sahaja kemudian kembali ke kota Mekah. Setelah pulang ke sana, beliau menanggung penderitaan bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para penganut Islam yang lain yang tidak berhijrah atau yang baru pulang dari penghijrahan.

Hijrah beliau kali kedua ke negeri Habsyah didorong oleh keadaan yang semakin tertindas iaitu pada pertengahan tahun ketujuh kenabian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Hijrah ini turut disertai bersama-sama 83 orang lelaki yang diketuai oleh Ja'far bin Abu Thalib iaitu sepupu baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Penetapan beliau di negeri Habsyah pada penghijrahan kali kedua ini agak lama jika dibandingkan dengan penghijrahan yang pertama.

- Berhijrah ke Kota Madinah

Pada saat menjelang tahun ketiga belas kenabian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* atau pada tahun pertama hijrah, 'Abdur Rahman bin 'Auf telah mendengar khabar bahawa orang-orang Islam sudah pun berhijrah ke kota Madinah termasuklah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Maka beliau pun meninggalkan negeri Habsyah lalu pulang ke kota Mekah dan terus berhijrah ke kota Madinah dan ketika itu seluruh harta kekayaan dan perdagangannya yang berada di kota Mekah telah dirampas oleh kaum musyrikin Quraisy.

Setibanya di kota Madinah, beliau tidak memiliki harta dan juga tidak mempunyai isteri. Di sana, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menjadikan hubungan kaum Mujahirin Mekah dan kaum Anshar Madinah seperti saudara kandung mereka sendiri termasuklah 'Abdur Rahman bin 'Auf dengan Sa'ad bin ar-Rabi', seorang tokoh Anshar yang kaya raya.

Memulakan Perniagaan

Apabila berada di Madinah, beliau ditawarkan oleh Sa'ad bin ar-Rabi' sebahagian harta dan juga seorang isteri kepada beliau namun beliau menolaknya. Beliau hanya meminta untuk ditunjukkan jalan ke pasar.



Setelah Sa'ad bin ar'Rabi' menunjukkan kepada beliau pasar bani Qainuqa', maka beliau memulakan usahanya dengan berdagang keju dan minyak samin dan akhirnya beliau sekali lagi menjadi seorang yang kaya raya seperti kekayaan yang dimilikinya di kota Mekah dahulu.

Di pasar tersebut juga beliau memulakan perniagaan kurma secara kecil-kecilan. Dengan ilmu dan pengalaman yang beliau ada sebelum ini, beliau mudah mengatur strategi perniagaan yang menyebabkan perniagaannya berkembang.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah bersabda bahawa beliau iaitu 'Abdur Rahman bin 'Auf lambat masuk ke syurga kerana beliau sangat kaya. Mendengarkan Rasulullah berkata begitu, beliau mula mencari jalan untuk menjadi miskin.

Pada suatu hari setelah perang Tabuk, kurma yang ditinggalkan oleh para sahabat menjadi busuk kerana kurma itu ditinggalkan di Madinah kerana pergi keluar berperang. Maka harga kurma busuk itu jatuh. Melihatkan keadaan kurma tersebut, beliau mengambil peluang untuk membeli kesemua kurma busuk itu dengan harga biasa. Selepas itu beliau berjaya menjadi miskin kembali malah para sahabat yang menjual kurma tersebut juga gembira kerana kurma mereka habis terjual.

Namun kuasa Allah melebihi segalanya. Terdapat satu wabak penyakit di Yaman dan disebabkan wabak ini, raja Yaman memerlukan kurma busuk untuk mengubati wabak penyakit. Disebabkan 'Abdur Rahman bin 'Auf memiliki kurma ini, raja tersebut membelinya dengan harga yang sangat tinggi daripada harga biasa dan menjadikan beliau kaya kembali.

Perniagaan Unta

'Abdur Rahman bin 'Auf semasa di Madinah juga telah memulakan perniagaan jual beli unta. Strategi beliau ialah unta-unta tersebut beliau jual pada harga *cost price* (harga modal) iaitu dengan tidak mengambil untung. Keuntungan diambil dari menjual tali pengikat unta. Setiap unta yang dibeli, diambil talinya sehingga banyak tali yang terkumpul menjadi milik beliau.

Ketika Madinah menghadapi masalah kekurangan bekalan tali unta, semua yang ingin membeli tali akan datang kepadanya. Strategi ini cukup bijak sehingga dapat menggugat ekonomi kaum Yahudi ketika itu.

Selain itu, unta juga dijadikan makanan termasuklah susu dan lemak unta. Tulang-tulang unta dijadikan sebagai perhiasan manakala kulit unta pula dijadikan sebagai sarung pedang. Bukan itu sahaja, najis unta juga dijadikan sebagai baja.



الله

Sesungguhnya beliau memang seorang peniaga yang berbakat dan pintar. Dalam tempoh yang sekejap sahaja beliau berjaya menunjukkan keahliannya dalam bermiaga hingga berjaya memperolehi harta yang banyak. Beliau mempunyai seratus ekor kuda yang dapat digunakan dalam perang, seratus ekor unta dan sepuluh ribu ekor kambing.

Di samping kekayaannya yang melimpah ruah itu, beliau merupakan seorang yang sangat dermawan, amat pemurah dan paling banyak berbuat kebajikan kepada fakir miskin.

Keistimewaan dan Kelebihannya

- Tersenarai dalam Kalangan Ahli Syurga

Diriwayatkan daripada Imam Ahmad bahawa Sa'id bin Zaid berkata sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَبُو بَكْرٍ فِي الْجَنَّةِ، وَعُمَرُ فِي الْجَنَّةِ،
وَعُثْمَانُ فِي الْجَنَّةِ، وَعَلَيْهِ فِي الْجَنَّةِ،
وَطَلْحَةُ فِي الْجَنَّةِ، وَالزَّيْرُ فِي الْجَنَّةِ،
وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ فِي الْجَنَّةِ،
وَسَعْدُ فِي الْجَنَّةِ، وَسَعِيدٌ فِي الْجَنَّةِ،
وَأَبُو عَبِيْدَةَ بْنِ الْجَرَاحِ فِي الْجَنَّةِ.

Maksudnya:

Abu Bakar di syurga, dan 'Umar di syurga, dan Ali di syurga, dan Utsman di syurga, dan Abdul Rahman di syurga, dan Thalhah di syurga, dan az-Zubair di syurga.

- Seorang yang Jujur dan Amanah

'Abdul Rahman bin 'Auf seorang yang selalu menghiasi dirinya dengan adab sopan dan bersikap jujur sehingga beliau sangat dipercayai. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Harits bin Usamah, bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَنْتَ أَمِينٌ فِي أَهْلِ السَّمَاءِ ، أَمِينٌ فِي
أَهْلِ الْأَرْضِ .

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau ('Abdul Rahman bin 'Auf) adalah orang yang dipercayai di langit dan orang yang dipercayai di bumi.

- Berkorban Harta di Jalan Allah

'Abdur Rahman bin 'Auf sangat banyak mengorbankan harta kekayaannya di jalan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Imam Muhammad bin Muslim bin 'Ubaidullah bin Syihab az-Zuhri yang lebih dikenali dengan nama Syihab az-Zuhri berkata yang bermaksud:

'Abdur Rahman bin 'Auf ketika di zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah bersedekah sebahagian hartanya. Kemudian beliau bersedekah lagi sebanyak 40,000 dinar. Selepas itu, beliau bersedekah lagi dengan mengirim sejumlah 500 ekor kuda sebagai kenderaan di jalan Allah dan juga 500 ekor unta. Semua itu adalah hasil dari perniagaannya.

Di samping itu, beliau juga banyak memerdekaan hamba. Abu 'Amru pernah mengatakan bahawa beliau memerdekaan seramai 30 orang hamba dalam satu hari. Dalam sebuah riwayat yang lain yang diceritakan oleh Ja'far bin Burqan yang bermaksud:

Saya telah mendengar khabar bahawa 'Abdur Rahman bin 'Auf telah memerdekaan seramai 30,000 orang hamba.

Dalam pengorbanan hartanya yang lain, Ibrahim bin Sa'ad pernah berkata:

Sebahagian ahli keluargaku pernah menceritakan bahawa 'Abdur Rahman bin 'Auf telah menjual hartanya hasil dari perang bani Nadhir dengan harga 40,000 dinar. Kemudian dibahagi-bahagikannya kepada isteri-isteri Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Kewafatannya

Menurut riwayat ahli-ahli sejarah Islam, 'Abdur Rahman bin 'Auf meninggal dunia

pada zaman pemerintahan Sayyidina 'Utsman bin 'Affan iaitu pada tahun 31 Hijrah bersamaan tahun 652 Masihi ketika berusia 74 tahun. Terdapat juga riwayat lain yang mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 32 Hijrah bersamaan 652 Masihi ketika berusia 75 tahun. Kewafatan beliau adalah dalam keadaan biasa di atas tilam tidurnya di dalam rumahnya.

Jenazah beliau disembahyangkan oleh Sayyidina 'Utsman bin 'Affan, Sayyidina 'Ali bin Abu Thalib, Thalhah bin 'Ubaidullah, az-Zubair bin al-'Awwam, Sa'ad bin Abu Waqqas dan seluruh para sahabat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang tinggal di kota Madinah. Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Baqi.

Beliau meninggalkan 4 orang isteri dan 28 orang anak laki-laki serta 8 orang anak perempuan. Harta peninggalan beliau sangat banyak berupa ladang dan binatang ternakan iaitu sebanyak 20 buah ladang di lembah-lembah yang subur termasuk sebidang ladang gandum di suatu tempat bernama Jarif dan juga binatang-binatang ternakan beliau sebanyak 1000 ekor unta, 3000 ekor kambing dan 1000 ekor kuda yang diternak di kawasan perkuburan Baqi'. Sebelum kewafatannya, beliau sempat menyedekahkan sebanyak 50,000 dinar di jalan Allah. Manakala setiap seorang daripada empat isteri beliau pula mendapat habuan di antara 80,000 sehingga 100,000 dinar selepas kewafatannya.



الحدیث



Nabi Muhammad

Shallallahu 'alaihi wa sallam

Perintis Usahawan & Perniagaan Islam

Kelahiran Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* merupakan peristiwa yang tiada bandingannya dalam sejarah umat manusia kerana kehadiran baginda telah membuka zaman baru dalam pembangunan peradaban dunia bahkan pembawa rahmat bagi sekalian makhluk di muka bumi ini.

Baginda merupakan contoh individu yang mempunyai potensi yang sangat besar sehingga seorang penulis Barat, Micheal H. Hart menyatakan dalam bukunya yang bertajuk "100 Tokoh Individu yang Paling Berpengaruh di Dunia" telah meletakkan nama baginda pada kedudukan yang pertama di antara seratus tokoh yang disenaraikan. Ini kerana baginda merupakan satu-satunya manusia yang memiliki kejayaan yang paling hebat di dalam dua bidang sekali gus iaitu ukhrawi dan duniawi.

Kejayaan baginda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sememangnya telah banyak dibahaskan oleh para ahli sejarah sama ada ahli sejarah Islam maupun Barat. Salah satu sisi kejayaan baginda adalah kegiatan baginda sebagai seorang pedagang (peniaga) namun kehidupan baginda sebagai pedagang (peniaga) ini kurang mendapat perhatian di kalangan ulama.

الهـرـى

الهـرـى

Sejarah Awal

Sejak zaman kanak-kanak hingga mencecah usia dewasa, baginda dikenali oleh masyarakat sebagai seorang yang memiliki keperibadian yang luhur. Ketinggian akhlak baginda membuatkan bangsa Arab khususnya kaum Quraisy merasa kagum. Dalam catatan sejarah telah menyebutkan bahawa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika berumur lapan tahun, baginda tinggal bersama bapa saudaranya iaitu Abu Thalib selepas kematian datuk dan ibunya. Abu Thalib merupakan ketua suku Bani Hashim dan hidup dalam keadaan sederhana. Justeru, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mula belajar hidup berdikari dengan menggembala kambing di padang pasir dan ketika berusia dua belas tahun, buat pertama kalinya baginda mengikut bapa saudara Abu Thalib yang merupakan seorang saudagar untuk berdagang ke Syam.

Apabila telah dewasa, baginda mula menjalankan perdagangan sendiri di Mekah kerana baginda sedar bahawa bapa saudara baginda mempunyai tanggungan lain dan menyara sebuah keluarga yang besar. Oleh itu, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mula menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan persendirian di Mekah dengan membeli barang-barang di sebuah pasar dan menjualnya kepada orang lain.

Sebenarnya baginda telah memulakan kerjaya baginda dalam perniagaan lebih awal berbanding perniagaan yang dijalankan baginda dengan modal daripada isteri baginda Sayyidatina Khadijah. Perkara ini telah disahkan oleh beberapa peristiwa yang berlaku yang menunjukkan bahawa baginda pernah menjalankan perniagaan secara perkongsian dengan beberapa orang peniaga sebelum terlibat dengan perniagaan Sayyidatina Khadijah.

Sejarah Perkembangan

Sayyidatina Khadijah merupakan seorang wanita Mekah yang sangat kaya dan menjalankan perniagaan beliau melalui wakil-wakil beliau dalam pelbagai bidang. Walaupun beliau mempunyai modal (harta) yang banyak tetapi tidak dapat mengusahakannya sendiri. Justeru itu, beliau memerlukan seseorang yang jujur untuk menjalankan perniagaannya dengan modal berkenaan. Ketika Abu Thalib mencadangkan kepada beliau untuk menjadikan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai orang yang boleh dipercayai bagi menjalankan perniagaannya, cadangan itu disambut baik oleh Sayyidatina Khadijah.

Beliau mendapat tahu baginda Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* seorang yang rajin, sangat tekun bekerja, jujur, boleh dipercayai dan

الهـرى

boleh membawa keuntungan. Baginda juga diberikan gelaran al-Amin atau ash-Shiddiq yang bererti orang yang dipercayai dan bagi masyarakat Kota Mekah, tidak ada orang yang boleh dipercayai lebih daripada baginda. Maka Saiyidatina Khadijah telah melantik baginda untuk menjalankan beberapa perdagangan ke beberapa buah pasar di utara dan selatan Semenanjung Arab. Baginda dibayar melalui hasil perniagaan sebagai upah dan kadang kala dibayar atas dasar untung sebagai rakan kongsi perniagaan.

Pada usia 25 tahun, bermula dengan mengambil upah membawa barang dagangan milik Saiyidatina Khadijah ke pasar Habsyah, baginda juga melakukan banyak perjalanan perdagangan dengan modal beliau antaranya telah biasa melakukan perjalanan perniagaan ke kota Safa, Mushaqqar dan Hijar yang terletak di Bahrain, Syam dan bahagian timur Semenanjung Arab. Kesemua perjalanan baginda ke negara-negara jiran ini adalah semata-mata kerana perdagangan dan perniagaan.

Sebelum Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berkahwin dengan Saiyidatina Khadijah, baginda telah pergi bermiaga ke Syam, Jerusalem, Yaman dan tempat-tempat lain sebagai wakil perdagangan dan berjaya mendapat keuntungan yang luar biasa untuk Saiyidatina Khadijah. Meskipun begitu, baginda tidak pernah menyalahgunakan walau satu sen pun dari keuntungan perniagaan berkenaan.

Semasa bermiaga di Negeri Syam, baginda dibantu oleh orang suruhan Khadijah bernama Maisarah. Semasa bermiaga, baginda menitik beratkan sifat amanah, sentiasa benar, bijaksana dan sopan. Kejujuran, kesopanan dan kebijaksanaan baginda membawa keuntungan yang besar. Pengalaman bersama baginda ini diceritakan oleh Maisarah kepada Saiyidatina Khadijah yang menyebabkan beliau semakin mengagumi dan tertarik hati dengan baginda. Beliau kemudian menghantar wakil untuk membawa hasratnya untuk bernikah dengan baginda melalui Abu Thalib. Ketika itu baginda berusia 25 tahun manakala Saiyidatina Khadijah berusia 40 tahun.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tetap meneruskan perniagaan perdagangan baginda seperti biasa walaupun setelah berkahwin dengan Saiyidatina Khadijah tetapi kini baginda menjadi pengurus dan rakan perniagaan dalam perniagaan isteri baginda. Baginda telah menjelajah ke serata pasar dan pusat perdagangan yang diadakan dalam dan luar negeri seperti Yaman, Bahrain, Iraq dan Syam.

Namun ketika berusia lewat tiga puluhan, baginda lebih cenderung bertafakkur dan beribadat. Baginda sering pergi ke Gua Hira (terletak di Jabal Nur) selama berhari-hari dan berminggu-minggu untuk tujuan demikian. Walau bagaimanapun baginda masih menjalankan urusan



الهجري

perniagaan sebelum dan selepas kerasulan baginda.

Kesimpulan

Sesungguhnya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* merupakan ikon usahawan atau peniaga yang berjaya. Perkara ini dapat dilihat melalui sirah kehidupan baginda iaitu sikap berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain serta kecerdasan pemikiran dan kemuliaan sikap yang baginda miliki yang membawa kepada kemajuan perniagaan yang baginda telah usahakan.

Bermula dengan tidak mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan sendiri, baginda berusaha bermiaga secara kecil-kecilan dan bersendirian

di Mekah. Baginda pernah menyertai perniagaan secara perkongsian dan juga pernah menjadi pengurus perdagangan para pelabur berdasarkan pembahagian hasil. Akhirnya baginda telah berjaya meletakkan diri baginda sebagai saudagar yang memiliki reputasi tinggi dengan penuh ketulusan dan telah mencipta nama di kalangan masyarakat peniaga khususnya dan di kalangan kaum Quraisy amnya.

Sudah semestinya keperibadian baginda ini menjadi contoh ikutan khususnya bagi mereka yang bergiat dalam bidang perniagaan. Ini kerana bermiaga merupakan pekerjaan yang mulia untuk mendapatkan sumber rezeki yang baik dan halal serta merupakan sunnah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.



Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَن يَشَاءُ
وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ

Mafhumnya:

Allah Maha Lembut terhadap hamba-hambanya. Dia memberi rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dia Maha Kuat, Maha Perkasa.

(Surah asy-Syu'araa' : 19)



Sembahyang Sunat Isyraq

Pengenalan

Sembahyang sunat Isyraq dilakukan sebagai tanda syukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana menganugerahkan pada hamba-Nya sehari lagi mengecapi alam ini walaupun dalam hari-hari berlalu kita banyak melakukan dosa.

Waktu Dilaksanakan

Sembahyang sunat Isyraq dua rakaat ini dikerjakan selepas waktu syuruk iaitu setelah matahari naik anggaran setengah galah (4 hasta atau 1.5 meter), lebih tepatnya kira-kira dua belas minit setelah terbit matahari.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Jabir bin Samurah telah berkata yang bermaksud: “*Bahawa Rasulullah Shallallahu’ alaihi wa sallam jika selesai melakukan sembahyang fardhu Subuh, beliau duduk (berzikir) di tempat beliau sembahyang sehingga matahari terbit dan meninggi.*”

Tempoh masa sembahyang sunat Isyraq adalah sangat singkat iaitu lima belas minit sahaja (dua belas hingga dua puluh tujuh minit setelah Syuruk), bersamaan



الحمد لله

sehingga masuk waktu Dhuya. Oleh itu wajarlah seseorang itu beritikaf sebentar selepas sembahyang fardhu Subuh berjemaah, berzikir dan membaca al-Qur'an sementara menunggu tibanya waktu Isyraq agar tidak terlepas memperolehi fadhilat besarnya.

Cara Melakukan Sembahyang Isyraq

Sebelum mendirikan sembahyang sunat Isyraq bacalah doa berikut:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَقَالَنَا يَوْمًا هَذَا وَلَمْ يَمْلِكْنَا بِذُؤْبَنَا.

Ertinya:

Segala puji bagi Allah yang telah memberikan kami hari ini dan tidak memusnahkan kami kerana dosa-dosa yang kami lakukan.

Sembahyang sunat Isyraq dilaksanakan sama seperti sembahyang sunat dua rakaat yang lain.

Lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةُ الْإِشْرَاقِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالٰى

Ertinya:

Sahaja aku sembahyang sunat Isyraq dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Bacaan surah selepas al-Faatihah

- Rakaat pertama surah al-A'laa.
- Rakaat kedua surah al-Fiil.

Atau:

- Rakaat pertama, bacalah al-Kaafirun.
- Rakaat ke-dua, baca al-Ikhlaash.

Selepas salam bacalah doa ini:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَ يَوْمَ عَافِيَةً وَجَاءَ
الشَّمْسَ مِنْ مَطْلَعِهَا، اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي خَيْرَ
هَذَا الْيَوْمَ، وَادْفَعْ عَنِّي شَرَّهُ. اللَّهُمَّ تَوَرُّ
قَلْبِي بِتُورِ هَدَايَتِكَ كَمَا تَوَرَّتِ الْأَرْضُ
بِتُورِ شَمْسِكَ أَبَدًا يَرْحُمْكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ertinya:

Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan hari ini sejahtera dan telah terbitkan matahari dari tempat terbitnya. Ya Allah! Kurniakanlah aku kebaikan hari ini dan jauhkanlah dariku keburukannya. Ya Allah! Terangilah hatiku dengan Nur Hidayah-Mu sebagaimana terangnya bumi dengan cahaya matahari-Mu selama-lamanya. Dengan Rahman-Mu; Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih lagi maha Penyayang!

Fadhilat Sembahyang Isyraq

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu dia berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

الْهَرَبِي

مَنْ صَلَّى الْغَدَاءَ فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَانَتْ لَهُ كَأْجِرٍ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٌ تَامَّةٌ تَامَّةٌ تَامَّةٌ.

Maksudnya:

Sesiapa sembahyang Subuh berjemaah, kemudian duduk berzikir kepada Allah sehingga naik matahari dan mengerjakan sembahyang dua rakaat (Sembahyang sunat Isyraq). Maka adalah baginya pahala seperti pahala haji dan umrah yang sempurna, sempurna, sempurna.



الحمد لله

Belia Mekanisme Pembangunan Negara

WAWASAN BRUNEI 2035

Pada tahun 2004, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penubuhan Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang bagi meneliti penyediaan rancangan pembangunan bagi 30 tahun yang akan datang. Hasil daripada dapatan Badan tersebut, visi jangka panjang Negara Brunei Darussalam yang dikenali sebagai Wawasan Brunei 2035 telah dilancarkan pada tahun 2008.

Wawasan Brunei 2035 ialah aspirasi jangka masa panjang negara dan rakyat yang berhasratkan Negara Brunei Darussalam berkembang maju dan memastikan masa depan negara terjamin. Pelbagai perancangan dan usaha dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

الهـرى

الهـرى

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, di samping menjadikan negara sentiasa aman damai dan berjaya.

Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam, menjelang tahun 2035, dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah:

- Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.
- Kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.
- Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjalankan beberapa strategi dan usaha untuk mempelbagaikan hasil pendapatan negara untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sektor minyak dan gas.

Menjelang tahun 2035, kita inginkan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, ini bermaksud negara tidak lagi akan bergantung kepada sektor minyak dan gas malah pendapatan hasil negara akan diperolehi daripada sektor-sektor lain seperti keusahawanan.

Peranan Belia

Golongan belia di negara ini perlu terus mengorak langkah ke hadapan dalam pelbagai bidang termasuk bidang keusahawanan. Para belia harus berdiri teguh dan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa berusaha memajukan diri sendiri, berjaya dalam pendidikan dan kebolehan mereka untuk berdikari serta memperkuuhkan lagi kesedaran dalam beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Peningkatan dan penyertaan positif daripada para belia khususnya usahawan-usahawan muda kini jelas kelihatan. Mereka berani melangkah ke hadapan dan meneroka alam perniagaan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Negara sangat memerlukan belia seperti ini, terutama sekali para profesional muda dan usahawan belia yang setentunya akan menjadi pewaris kepimpinan pada masa akan datang.

Usahawan belia perlu mempunyai semangat yang tinggi, dan menawarkan pelbagai produk serta perkhidmatan untuk menyumbang kepada pembangunan negara, dari aspek agama, bangsa dan masyarakat. Belia yang berkualiti dan cemerlang bukan sahaja mampu memberikan sumbangan kepada negara, tetapi juga membentuk belia syumul.



ابدی

Sokongan Kerajaan

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak terkecuali memberi bantuan dan sokongan kepada para usahawan tanah air yang di antaranya ialah:

- Hampir \$30,000.00 bantuan kewangan micro grant dihulurkan dalam tempoh 2 tahun kepada 25 pengusaha belia yang mengikuti Program Inkubator Keusahawanan dengan penubuhan 6 buah syarikat perusahaan dan pekerjaan kepada 24 anak tempatan dalam pelbagai bidang seperti tekstil, jahitan, automotif, penggayaan rambut lelaki dan kecantikan dengan menjana pendapatan kira-kira \$60,000.00.
- Program Pertanian dan Perladangan Pusat Pembangunan Belia telah melahirkan 11 syarikat yang mengusahakan tanaman padi, sayur dan buah-buahan. 5 belia yang mengusahakan 10 hektar ladang padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan telah berjaya menghasilkan sebanyak 35 tan padi bagi musim penuaian kali keempat yang terkini.
- Dalam bidang perusahaan tekstil dan jahitan, terdapat 3 syarikat iaitu Syarikat Cerita Fabriku (CF), Syarikat Astetika dan Gentlemen Stitch di bawah Program Inkubator Keusahawanan Belia. Dikongsikan,

Syarikat Cerita Fabriku diusahakan oleh 5 Belia dan 17 pekerja belia tempatan telah mengeluarkan hampir 25,000 baju untuk diekspot dan pasaran tempatan dengan pendapatan lebih \$37 Ribu.

Program-program Keusahawanan

Pelbagai inisiatif baik dari pihak kerajaan maupun swasta dalam sama-sama mendorong dan menyokong usahawan khasnya di negara ini agar dapat menjayakan dan merealisasikan impian mereka dalam dunia keusahawanan.

- Program i-Usahawan

Sektor tenaga telah memperkenalkan Program i-Usahawan pada 1 Ogos 2018 bersempena dengan sambutan Hari Belia Kebangsaan yang ketiga belas. Ia merupakan sebuah inisiatif pembangunan keusahawanan belia di bawah pengendalian Kementerian Tenaga. Tujuan program ini diperkenalkan adalah untuk mendokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menggalakkan generasi belia negara untuk menceburi bidang keusahawanan.

Program ini bertujuan untuk menyediakan *platform* bagi melahirkan usahawan-usahawan belia yang mandiri dan mampu berdaya tahan dalam mengekalkan dan mengembangkan

الهـرى

الهـرى

perniagaan mereka, dan menjadikannya salah sebuah syarikat yang sentiasa berdaya saing dan mampan sama ada di dalam sektor tenaga mahupun sektor-sektor lainnya.

Melalui program ini, rakyat Negara Brunei Darussalam yang berusia di antara 18- 35 tahun yang berkelayakan adalah berpeluang untuk bersaing secara kompetitif untuk mendapatkan kontrak yang diperuntukkan daripada pihak kerajaan, Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (Government-Linked Companies) dan juga Badan Berkawan (Statutory Body) di dalam sektor tenaga. Kontrak yang diperuntukkan ini adalah kontrak-kontrak yang berisiko rendah dan tidak memerlukan teknologi dan modal perniagaan yang terlalu tinggi. Antara contoh-contoh kontrak adalah perkhidmatan-perkhidmatan seperti pengurusan acara, penggambaran dan video, penyediaan dan penyelenggaraan mesin pencetak, pemotongan rumput, penyelenggaraan penghawa dingin, pembersihan pejabat dan lain-lain lagi.

Di antara kriteria dan syarat kelayakan utama untuk menyertai program ini ialah usahawan belia dan syarikat mereka tidak mempunyai kontrak dengan pihak kerajaan, Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan dan Badan Berkanun dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan. Selain daripada itu, usahawan belia selaku pemilik syarikat hendaklah aktif di dalam menjalankan dan melibatkan diri dalam operasi harian perniagaan.

Setakat ini, sebanyak 39 kontrak daripada sektor tenaga telah dikenalpasti untuk program ini, termasuklah sembilan kontrak daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga. Daripada jumlah kontrak ini, sebanyak 22 kontrak telah dianugerahkan kepada 32 orang usahawan belia, yang mana telah memberikan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 300 orang anak tempatan. Ini adalah selaras dengan matlamat program ini untuk melahirkan perniagaan yang dijalankan 100 peratus oleh anak tempatan yang juga melaksanakan pengambilan 100 peratus pekerja anak tempatan.

Program i-Usahawan ini dilaksanakan dengan kerjasama rapat di antara Kementerian Tenaga, Pemilik Kontrak iaitu pihak kerajaan, atau Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan, atau Badan Berkanun yang telah mengenalpasti kontrak berkenaan dan juga agensi-agensi yang memberikan latihan kemahiran keusahawanan seperti Darussalam Enterprise (DARe) dan Shell LiveWIRE.

Sepanjang perlaksanaan kontrak, usahawan belia yang berjaya akan diberikan bimbingan melalui sistem mentorship yang bertujuan untuk menambahbaik pengetahuan dan kemahiran profesional mereka sebagai seorang usahawan yang akan sentiasa berdaya saing di dalam industri perniagaan, walaupun setelah tamatnya kontrak di dalam program i-Usahawan.



ini. Oleh yang demikian, usahawan-usahawan belia ini hendaklah komited dalam memastikan kontrak dijalankan mengikut garismasa yang ditetapkan dan memenuhi syarat-syarat keperluan kontrak seperti yang dipersetujui bersama pemilik kontrak. Kementerian Tenaga juga akan membuat pemantauan terhadap perlaksanaan program ini melalui perjumpaan bersama pemilik kontrak dan juga usahawan belia yang telah menjalankan kontrak mereka.

Dengan adanya inisiatif program keusahawanan untuk belia daripada Kementerian Tenaga ini, adalah diharapkan ianya akan dapat meningkatkan lagi hasil dan perbelanjaan dalam negara dari segi pembangunan perniagaan tempatan dan juga peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di Negara Brunei Darussalam, khususnya di dalam sektor tenaga. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Tenaga 2020-2025 melalui objektif strategi yang ke-6, iaitu untuk mendokong kemajuan sosio-ekonomi melalui penjanaan limpah kesan dari sektor tenaga.

Projekt AgroBIZ

LiveWIRE AgroBiz ditubuhkan sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan sara diri negara dalam pengeluaran beras

dan pada masa yang sama menghasilkan usahawan tani yang berkemahiran.

Program ini ditaja oleh Brunei Shell Petroleum untuk melahirkan kira-kira 50-60 usahawan tani menjelang 2024.

MoU ditandatangani dengan IBTE pada Februari 2019 untuk membangunkan infrastuktur penanaman padi di sekitar Kampus Agro Teknologi IBTE Wasan dengan keluasan 12 hektar.

Program Latihan AgroBIZ memberi pendedahan terhadap penanaman padi menggunakan peralatan moden dan kaedah pertanian mampan iaitu bebas racun kimia, baja organik dan mengurangkan penggunaan air.

Peluang bagi yang mengikuti projek ini antaranya ialah kerjasama dengan syarikat-syarikat pertanian untuk pertanian secara kontrak, sokongan berterusan dari Shell LiveWIRE Brunei bagi khidmat nasihat teknikal dan komersial, tawaran sewa dan perkhidmatan jentera menuai dan pengeringan padi harga rendah untuk bekas pelatih AgroBIZ, permohonan untuk tapak tanah yang bersesuaian masih dalam proses penelitian oleh Jabatan Pertanian dan Agri makanan, insentif bagi pembelian benih dan baja dan DARe menawarkan co-matching grant 30:70 sebanyak \$10,000.

- Usahawan Asnaf Zakat

Usahawan Asnaf Zakat dihasrat dapat memberikan peluang kepada para usahawan untuk bermula dan memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka kepada umum dan membina semangat jati diri untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Selain memberi peluang serta ruang persaingan yang sihat, tamu tersebut juga bertujuan untuk menjadi pemacu kepada mempertingkatkan dan sekali gus memperkembangkan syiar Islam yang berteraskan Maqasid Syariah dari aspek pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Antara objektif Usahawan Asnaf Zakat ialah untuk menjana minat golongan asnaf penerima zakat seperti asnaf fakir miskin dan asnaf muallaf untuk mengupayakan diri dalam bidang keusahawanan dan memberikan peluang pembangunan jati diri dalam pengupayaan keusahawanan kepada usahawan golongan asnaf penerima zakat.

Selain itu, konsep ‘mindset change’ dititikberatkan dalam golongan penerima zakat agar tidak terus menerus bergantung harap kepada agihan wang zakat, tetapi menjadikan mereka golongan yang berupaya mengeluarkan zakat dan berjaya, dengan erti kata lain ‘Daripada Penerima Zakat, Kepada Pemberi Zakat’.

Usahawan Asnaf Zakat ini merupakan usaha dan inisiatif Pusat Da’wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Seramai 54 usahawan penerima asnaf zakat iaitu 26 usahawan daripada muallafpreneurs, Pusat Da’wah Islamiah, 15 usahawan daripada PROPAZ dan 13 usahawan di bawah MUIB yang memperkenalkan produk jualan seperti kraftangan, makanan basah dan kering, busana, agrimakanan dan pertanian seperti sayur-sayuran, herba, buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan yang mana di antaranya telah pun mengikuti bengkel-bengkel keusahawanan dan telah diberi peluang menyertai ekspos ekspo dan pameran-pameran anjuran jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

USAHAWAN BERJAYA

Belia negara boleh melibatkan diri secara aktif dalam menceburi bidang keusahawanan bagi membantu mengembangkan ekonomi negara. Antara usahawan-usahawan muda yang berjaya adalah seperti:

- Syarikat S&R Aquafarm

Sebuah perniagaan yang menghasilkan tumbuhan segar dan organik menggunakan aquaponics. Perniagaan ini ditubuhkan oleh Awang Syazwan bin

الله



Haji Suni bersama ayahnya, dan telah memenangi Anugerah Perusahaan Paling Inovatif serta tempat ketiga dalam Sustainable Business Award bagi Shell LiveWIRE Brunei Business Awards. Syarikat mereka juga disenaraikan sebagai salah satu daripada 21 perniagaan antarabangsa bagi Anugerah Shell Global Top Ten Innovators Awards bagi tahun 2019.

Ladang aquaponics ini ditubuhkan di halaman rumah mereka. Kebanyakan tumbuhan yang dihasilkan ialah lada, tomato, cili, salad, labu dan herba-herba seperti mint dan basil. Syazwan juga mengikuti kursus Perniagaan di Shell LiveWIRE, dan dari sana beliau merancang langkah yang diperlukan untuk mengkomersialkan Syarikat S&R Aquafarm. Mereka berharap dapat menyebarluaskan kesedaran, dan mendidik orang ramai tentang penghasilan tumbuh-tumbuhan segar secara organik, bebas daripada racun perosak kimia.

- Syarikat KARUP

Sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh graduan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Dayang Normajidah binti Rapidi dan Dayang Siti Nur Liyana binti Haji Adanan. Mereka menghasilkan produk buatan tempatan popiah dalam pelbagai jenis perisa dan dinamakan Karup.

Majidah dan empat orang kawannya mula menjual popiah pada tahun 2017

sebagai sebahagian daripada projek perniagaan mereka di UNISSA. Projek mereka bermula di bawah jenama Kripsto tetapi tanpa pengetahuan mendalam dalam bidang masakan. Mereka mula menguasai pengetahuan keluarga mereka dalam masakan Melayu tradisional untuk mempelajari cara penyediaan popiah.

Selepas menamatkan pengajian, mereka memutuskan untuk menjenamakan semula Kripsto kepada Karup dan membuat perniagaan sepenuh masa. Mereka berhasrat untuk menjual produk mereka di pasar raya tempatan dan mengeksport keluar negara pada masa akan datang.

- Syarikat BRUNEI DELIVERY SERVICES (BDS)

Sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh Awang Rahim bin Ismail. Syarikat ini memberikan perkhidmatan penghantaran kepada pelanggan-pelanggan yang memerlukan, bukan sahaja dari segi penghantaran makanan, tetapi juga perkhidmatan seperti pembelian barang harian dan sebagainya.

Pada permulaannya, beliau menubuhkan syarikat ini hanya dengan menggunakan kaedah media sosial WhatsApp, Microsoft Excel dan menggunakan kereta persendirian pada tahun 2017.

Syarikat BDS mengenakan caj penghantaran bagi setiap daerah



الهجري



الهجرى

dengan bayaran rata minima. BDS beroperasi dengan rangkaian pemandu persendirian, dan memberikan bayaran penghantaran dan wang komisen. Syarikat BDS mempunyai pelan untuk menggunakan aplikasi mudah alih khusus bagi syarikat mereka, agar ianya dapat memudahkan dalam menerima, menetapkan dan mengesan penghantaran-penghantaran mereka dengan lebih sistematik dan teratur.

Kesimpulan

Kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam ingin terus menikmati hidup aman dan damai dengan pembangunan negara pesat yang membawa kesejahteraan kepada semua pihak. Bagi memastikan kesejahteraan negara kita ini berlanjutan, usaha daripada pelbagai pihak untuk membangun ekonomi negara yang perlu dijadikan keutamaan.

Diharap dengan semua usaha yang dijalankan untuk keusahawanan belia ini akan dapat dimanfaatkan oleh para belia di negara ini dan merebut peluang-peluang yang diberikan untuk menjadikan diri mereka individu yang berjaya selain dari aktif dalam melibatkan diri untuk masa depan negara serta menyahut cabaran yang diserukan oleh kerajaan.



الحمد لله



HARAKAH BELIA

1 Ogos terpahat gemilang
Hari Belia Kebangsaan
Penanda aras mercu tanda
Tinggi peradaban tanah ibunda.

Beliaku
Aset payu pertiwi
Calak pemimpin masa kini
Penerus generasi mendatang
Berdaya saing seiring
Menjulang patriotisme tinggi
Menjana minda jati diri mandiri
Memperkasa peradaban tanah air
Aqidah dan keimanan kukuh mengharap redha Allah
Dengan kemantapan nilai budaya
Dengan kemantapan nilai intelektual
Dengan penampilan jati diri
Cakah menyongsong gelombang
Mengharung gagah cabaran menghambat
Merentasi era globalisasi
Teknologi bermaklumat tinggi.



Beliaku
Berilmu tepu
Beriman kukuh
Taqwa sejati
Ihsan muhsin
Doa ikhlas
Tawakal kepada ilahi
Demi mencorak masa depan
Penerus kesinambungan kedewasaan
Membangun negara
Menyulai bangsa.

Beliaku
Menjana hidup berpandu
Al-Qur'an dan as-sunnah
Suluh jalan segalanya
Merungkai carcamarba kehidupan
Menggalas amanah tanggungjawab
Bersatu atma memartabat jati diri bangsa
Tawaduk menumpah bakti identiti sejati
Memelihara kesucian agama
Bersalut akhlak terpuji
Jujur
Amanah
Tulus
Cekap
Bersih
Menjulang ikhlas sumbangsih
Melestari pembangunan

الحمد لله

Ekonomi
Pendidikan
Kesihatan
Kebudayaan
Sukan
Kemasyarakatan
Keselamatan
Keamanan
Menjulang hasrat kecemerlangan
Bumi kasih Darussalam.

Kiflee Tarsat
2010

الهـرى



Doa Agar Rezeki Bertambah

اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُضْنَا وَأَكْرِمْنَا وَلَا تُؤْهِنَا وَأَعْطِنَا وَلَا تَخْرِمْنَا
وَأَثِرْنَا وَلَا تُؤْثِرْ عَلَيْنَا وَأَرْضِنَا وَارْضَ عَنَّا

Erlinya:

Ya Allah, tambahkanlah rezeki dan janganlah Engkau kurangi. Muliakanlah kami dan jangan Engkau hinakan kami. Berilah kami dan jangan Engkau halangi kami. Pilihlah kami dan jangan Engkau tinggalkan kami, redhailah kami dan redhailah perbuatan-perbuatan kami.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فَرَشَا وَالسَّمَاءَ بِنَاءَ
وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا هُوَ فَخَرَجَ بِهِ مِنَ النَّمَرُونَ
رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا تَبْغِعُوا إِلَهًا أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

Mafhumnya:

"(Allah) yang telah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan dan (Dia juga telah menjadikan) langit sebagai binaan yang kukuh (yang keadaannya seperti atap), dan menurunkan hujan dari langit lalu Dia menumbuhkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah sebagai rezeki bagi kamu. Maka janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah dalam beribadat padahal kamu mengetahui."

(Surah al-Baqarah : 22)



“Keusahawanan adalah kata terbitan daripada perkataan usahawan. Istilah ini lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan. Menurut perspektif peniaga, usahawan merupakan rakan niaga, pembekal atau pelanggan kepada peniaga lain dan mencari cara baru untuk menggunakan sumber secara lebih baik serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Berdasarkan definisi-definisi tersebut bolehlah disimpulkan bahawa keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuashrian dan kebebasan.”

